**Sidang DUN** MS4 – 5



**El Nino – jimat air sekarang!** MS3



**Bajet PBT 2015** MS 26

MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG


PERCUMA

buletin **Mutiara**



Cekap Akauntabel Telus

www.buletinmutiara.com

16 – 31 MEI 2014

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng


# Ceroboh DUN – tindakan & hukuman lebih keras



YANG di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Dr. Abdul Rahman Abbas (depan) memeriksa perbarisan pada Majlis Perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Kedua DUN Yang Ketiga Belas di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang mahu tindakan keras dan hukuman lebih berat dikenakan terhadap sekumpulan lelaki yang bertindak menceroboh ke dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini 21 Mei lalu.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, tindakan dan hukuman lebih keras perlu diambil sebagai pengajaran dan bagi memastikan bahawa pihak lain tidak terlintas untuk berbuat sedemikian.

"Kami mahu tindakan dan hukuman keras diambil ke atas mereka yang menceroboh masuk DUN Pulau Pinang.

"Ini supaya tindakan yang diambil tidak akan dilupa bukan sahaja oleh mereka (kumpulan berkenaan), tetapi oleh pihak-pihak lain. Agar tidak akan terlintas pun dalam fikiran untuk mencerobohi DUN Pulau Pinang sekali lagi," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.



DEWAN persidangan DUN diceroboh.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh dan Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.

Pada 21 Mei lalu, sekumpulan lelaki bertindak merempuh pagar utama DUN Pulau Pinang sehingga menceroboh ke dalam dewan persidangan.

Ekoran kejadian tersebut, Speaker DUN, Datuk Law Choo Kiang telah mengeluarkan kenyataan menyatakan kekecewaannya ke atas insiden pecah masuk ke dalam Dewan yang mulia berkenaan.

Katanya lagi, perkara tersebut tidak pernah berlaku sepanjang sejarah DUN di negeri ini, bahkan mencemar sejarah politik di peringkat negara.

Bagi Choo Kiang, beliau melihat masih ada ruang yang lebih beradab untuk menyatakan ketidakpuasan isu daripada melakukan tindakan yang kasar dengan merempuh pagar utama DUN dan mencemar kemuliaan Dewan, yang jelas melanggar undang-undang negara ini.

Mengulas lanjut, Guan Eng menyatakan bahawa Kerajaan Negeri berasa sangat sedih dan kecewa dengan kejadian tersebut dan pada masa sama mahu tindakan dan hukuman keras diambil ekoran ia merupakan satu perbuatan yang sungguh tidak bertanggungjawab.



BERTINDAK liar dan ganas dengan merempuh pagar utama DUN.

"Saya rasa ini mencemarkan kesucian dan juga kedaulatan DUN Pulau Pinang sebagai institusi tertinggi dalam Perlembagaan Negeri Pulau Pinang yang jelas menunjukkan bahawa kedudukan DUN ini tidak boleh dipertikaikan.

"Oleh sebab itu, kita (Kerajaan Negeri) minta bukan sahaja seksyen-seksyen yang disiasat oleh pihak polis, tetapi kita (Kerajaan Negeri) mahu siasatan di bawah seksyen yang lebih keras lagi," tegasnya.

Beliau memberitahu, siasatan polis yang dijalankan mengikut Seksyen 146 dan 147 Kanun Keseksaan adalah tidak memadai kerana ia hanya memperuntukkan hukuman ringan sekiranya disabitkan kesalahan.

Justeru, Guan Eng menyatakan bahawa Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Exco baru-baru ini bersetuju mengemukakan cadangan kepada Peguam Negara supaya kes berkenaan turut disiasat di bawah Seksyen 121B dan 124B Kanun Keseksaan.

"Mengikut Seksyen 121B Kanun Keseksaan, mereka boleh dihukum penjara seumur hidup atau didenda dan Seksyen 124B, hukuman penjara maksimum 20 tahun jika sabit kesalahan," ujar beliau.

Perihalan kesalahan Kanun Keseksaan (Akta 574) Seksyen 121B adalah dibaca sebagai Kesalahan terhadap kuasa Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri manakala Seksyen 124B, *Whoever, by any means, directly or indirectly, commits an activity detrimental to parliamentary democracy shall be punished with imprisonment for a term which may extend to twenty years.*

# Balu Penghulu Bukit Gelugor terima sumbangan

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Balu kepada arwah Penghulu Parlimen Bukit Gelugor, Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut (DTL) yang meninggal dunia dalam kejadian kemalangan baru-baru ini menerima sumbangan RM5,000 daripada Kerajaan Negeri di sini.

Sumbangan berkenaan disampaikan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng kepada balu Allahyarham Md. Daud Mohd Nayan, Jamilah Abdul Aziz.

Guan Eng pada majlis tersebut menyifatkan Md. Daud sebagai seorang pegawai yang berdedikasi dalam menjalankan tugasnya sebagai seorang Penghulu.

"Ini merupakan kehilangan besar kepada pihak Kerajaan Negeri," ujarnya pada satu majlis ringkas penyampaian sumbangan cek kepada keluarga Allahyarham di Komtar di sini baru-baru ini.

Jamilah yang ditemani dua cahaya matanya kelihatan begitu sedih dan dibawa meninggalkan majlis selepas selesainya upacara penyampaian berkenaan.

Dalam kejadian 29 April lalu, Allahyarham yang dalam perjalanan pulang dari tempat kerja maut apabila terlibat dalam kejadian kemalangan di Kilometer 151.8 Arah Selatan Lebuhraya Utara – Selatan (PLUS).

Allahyarham meninggalkan seorang isteri dan tiga anak yang masing-masing berusia 12, 9 dan 7 tahun.

Turut prihatin adalah Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon yang menyampaikan sumbangan peribadi beliau kepada keluarga Allahyarham.



DUA ahli PPS yang menerima penghargaan khas Kerajaan Negeri.

Pada majlis sama, seorang Pekerja Am Bahagian Perkhidmatan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Mohd. Arifin Nahood Ghanny turut menerima sumbangan bernilai RM3,000 daripada Kerajaan Negeri ekoran kediamannya di Jalan Mengkuang, Butterworth terlibat dalam kebakaran awal Mei lalu.



KETUA Menteri menyampaikan sumbangan kepada Jamilah Abdul Aziz (dua dari kanan) sambil diperhatikan barisan Exco Kerajaan Negeri lain di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Kerajaan Negeri meraikan tindakan berani dua ahli Pasukan Peronda Sukarela (PPS) dari Kampung Valdor, Sungai Bakap, Seberang Perai Selatan (SPS) yang berjaya menahan tiga lelaki warga asing mencurigakan.

Mereka menerima sumbangan bernilai RM100 berserta sijil penghargaan di atas keberanian masing-masing.

# Sumbangan pukat serlahkan KN kotai janji

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI & ZAINULFAQAR YAACOB**

**SUNGAI DUA –** Seramai 1,442 nelayan pantai bagi kawasan Seberang Perai menerima bantuan pukat daripada Kerajaan Negeri sebagaimana dijanjikan dalam manifesto Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) lepas, kata Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini.

"Bantuan pukat ini akan diberikan dua kali setahun... sekarang dapat sekali bantuan, hujung tahun dapat satu kali lagi bantuan," ujarnya pada Majlis Penyerahan Bantuan Pukat di Dewan Besar Sungai Dua di sini baru-baru ini.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin dan Datuk Mohd. Salleh Man (Ahli Dewan Undangan Negeri Permatang Pasir merangkap Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, MAINPP) turut berucap pada majlis itu.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan



ABDUL Halim Abdul Wahab.

Utiliti, Lim Hock Seng, Saodah Nawawi (Pegawai Daerah Seberang Perai Utara), Rohani Hassan (Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan) dan Ketua Penolong Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah (Pembangunan), Muhaili Md. Saad serta Timbalan Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Ismail Ladin.

Sebelum itu, Dr. Afif memberitahu bahawa Kerajaan Negeri memperuntukkan lebih RM1 juta tiap-tiap tahun bermula pada tahun lepas untuk memberi bantuan pukat kepada 2,981 nelayan pantai



M. Muniandy.

yang berdaftar dengan LKIM.

Manakala, Mohd. Salleh pun melahirkan harapan bahawa nelayan pantai dapat meningkatkan tangkapan ikan serta pendapatan harian masing-masing demi mendepani kenaikan kos sara hidup rakyat yang kian meningkat belakangan ini.

Dalam pada itu nelayan, M. Muniandy, 48, melahirkan rasa terharu selepas menerima sumbangan pukat daripada Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon dalam satu majlis berasingan



MOHD. Rashid Hasnon (depan, berbaju Melayu) bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan para nelayan menunjukkan pukat yang disumbangkan Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

peringkat pulau baru-baru ini.

"Pemberian dua kali setahun ini sangat berguna kerana ianya berjaya menjimatkan hampir RM160 setahun duit untuk membeli pukat sahaja," jelas Muniandy, nelayan dari Batu Maung.

Bagi seorang nelayan muda, Abdul Halim Abdul Wahab, 27, dari Sungai Gelugor, beliau amat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana memberi bantuan seumpama itu dua kali setahun.

"Walaupun percuma, kualiti pukat yang diberikan juga bagus, tahan lama dan harapan saya selepas ini mungkin Kerajaan Negeri dapat membantu sedikit sebanyak berhubung masalah enjin bot kerana kos pembaikannya juga tinggi," ujarnya yang berkecimpung dalam bidang tersebut sejak berusia 12 tahun lagi.

# Kukuhkan perpaduan, seru TYT

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon berharap agenda memartabatkan Islam serta program dakwah yang kian subur di Pulau Pinang sejak tahun 2008 mampu membantu Putrajaya mengukuhkan toleransi agama di negara ini.

Beliau berkata demikian pada pelancaran Program Dakwah Negara dan Bulan-Bulan Al-Quran Peringkat Negeri 2014, yang dianjurkan secara bersama oleh Kerajaan Negeri dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).

"Semoga amar makruf seumpama ini dapat diteruskan," ujarnya pada program tahunan negeri di Dewan Sri Pinang di sini baru-baru ini.

Yang Di-Pertua Negeri, Tuan Yang Terutama (T.Y.T) Tun Dr. Abdul Rahman Abbas merasmikan majlis pelancaran tersebut, yang disertai lebih 1,000 hadirin itu.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim selaku pengerusi jawatankuasa penganjur program turut membahaskan tema program tahunan kali ini, iaitu 'Al-Quran Mengukuhkan Ukhwah, Memartabatkan Ummah'.

Turut berucap, Yang di-Pertua YADIM, Dr. Asyraf Wajdi Dusuki.

Abdul Rahman dalam ucapannya, menyeru umat Islam supaya mengukuhkan perpaduan melalui penghayatan dakwah sebagaimana dituntut dalam al-Quran sendiri.

Mengulas mengenai tema katanya lagi, toleransi sesama ummat mampu mengukuhkan perpaduan ummah.

"Umat Islam perlu kembali menghayati al-Quran dan hidup sebagai satu ummah," ujar Abdul Rahman.

Selebriti dakwah rancangan 'Reset Minda' terbitan Astro Oasis, Prof. Dr. Muhaya Mohammad turut menyampaikan motivasi dakwah sebelum majlis sepagi bersurai.

Difahamkan, Kerajaan Negeri meraikan Bulan-Bulan Al-Quran tiap-tiap tahun sejak 2010, dan digabungkan bersama-sama Program Dakwah Negara sebagaimana disyor oleh Putrajaya pada tahun ini.



**DR. Abdul Rahman Abbas (depan) diiringi Mohd. Rashid Hasnon pada Majlis Pelancaran Program Dakwah Negara dan Bulan-Bulan Al-Quran Peringkat Negeri 2014 di sini baru-baru ini.**

Program *'Ibrah Al-Quran,* Kelas Tahsin Al-Quran, Celik Al-Quran & Mini *Tahfiz*, Multaqa' Tolabah Al-Quran, *Talaqqi* & *Hafazan* Al-Quran, Bacaan Kitab, Seminar Al-Quran dan Kelas Bahasa Arab Bahasa Al-Quran dianjurkan secara berkala di Masjid Negeri dan beberapa masjid terpilih serta Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB) sepanjang bulan Rejab, Syaaban dan Ramadhan ini, bermula pada 1 Mei lepas.

Info lanjut, Hubungi Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) di talian 04 – 263 7200 atau faksimili 04 – 250 2810 atau emel, *mariah@penang.gov.my* atau *muhamadsayuti@penang.gov.my.*

# *El Nino* – jimat air sekarang!

Oleh: **YAP LEE YING**



**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyeru semua pengguna air di negeri ini supaya memulakan penjimatan sumber berkenaan kini bagi mengelakkan catuan air sekiranya gejala *El Nino* yang menyebabkan kemarau panjang melanda negara.

"Kita (rakyat Pulau Pinang) perlu memulihkan rizab simpanan empangan negeri bermula sekarang supaya kita (negeri) mempunyai bekalan air yang cukup dalam menghadapi *El Nino*.

"Kita perlu memanjangkan rizab air untuk seberapa lama yang boleh dalam menghadapi keberangkalian tempoh kemarau selama enam hingga 18 bulan," katanya dalam satu kenyataan di sini baru-baru ini.

Guan Eng berkata demikian sebagai mengulas surat daripada Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Datuk Loo Took Gee kepada Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) bertarikh 14 Mei lalu.

Dalam surat tersebut, kementerian memohon kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri sebagai pihak yang bertanggungjawab menguruskan sumber air mentah untuk membuat audit terhadap kecukupan simpanan air mentah masing-masing.

Turut disebut Took Gee adalah supaya Kerajaan Negeri membuat persiapan rapi bagi memastikan sumber air mentah mencukupi sekiranya *El Nino* melanda negara kelak.

"Langkah-langkah segera perlu diambil bagi mengelak berlakunya krisis air yang lebih teruk berbanding awal tahun ini,'' sebut kenyataan berkenaan baru-baru ini.

Kenyataan terbabit turut memaklumkan bahawa merujuk kepada kenyataan dikeluarkan Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) pada 9 Mei lalu, negara dijangka akan mengalami Monsun Barat Daya iaitu musim kering bermula pertengahan Mei ini dan akan berterusan sehingga September 2014.

JMM juga telah memetik kenyataan Pertubuhan Meteorologi Dunia (WMO) pada 15 April lalu yang menyatakan bahawa *El Nino* yang boleh berlanjutan antara enam hingga 18 bulan, berkemungkinan berlaku pada sekitar pertengahan tahun ini.

Namun begitu, kekuatan *El Nino* tersebut masih belum dapat ditentukan.

Tambah Took Gee, kerjasama semua operator air juga dipohon untuk menjalankan kempen bagi menyeru semua pengguna samua ada domestik atau industri untuk sentiasa berjimat menggunakan air dan mengambil langkah-langkah alternatif seperti mengitar semula air atau penuaian air hujan.

"Ini adalah bagi membantu memastikan simpanan air mentah boleh bertahan terutamanya untuk menghadapi kemungkinan *El Nino* dan juga Monsun Barat Daya kelak,'' ujarnya.


**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

**REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)**

| | | |
|---|---|---|
| TAJUK | : | **CADANGAN PENYEDIAAN PERKHIDMATAN PEMERIKSAAN MAMMOGRAM PERCUMA KEPADA GOLONGAN WANITA PULAU PINANG** |
| TARIKH DIBUKA | : | **21 MEI 2014 (RABU)** |
| TARIKH DITUTUP | : | **2 JULAI 2014 (RABU)** |
| TARIKH DITUTUP | : | **12.00 TENGAH HARI** |

Dokumen RFP bagi tawaran RFP ini boleh dimuat turun melalui Sistem ePerolehan Negeri Pulau Pinang **"http://ep.penang.gov.my/** mulai **21 Mei 2014.**

2. Cadangan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul bertutup yang ditulis di bahagian sudut atas kanan **Cadangan Penyediaan Perkhidmatan Pemeriksaan Mammogram Percuma Kepada Golongan Wanita Pulau Pinang**. Cadangan lengkap tersebut hendaklah dihantar sebelum **12.00 tengah hari** pada **2 Julai 2014** kepada :

**Urusetia,**
**Unit Perancang Ekonomi Negeri, Tingkat 26, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang**

Cadangan yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dilayan. Unit Perancang Negeri Pulau Pinang tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran tertinggi.

Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi urusetia di talian **04-6505176.**

**Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas.**

# TYT bangga P. Pinang tiada catuan air

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN -** Yang di-Pertua Negeri, Tuan Yang Terutama (T.Y.T), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas melahirkan rasa bangga bahawa Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) tidak menjalankan catuan air sungguhpun Selangor, Johor, Negeri Sembilan dan Taiping, Perak terpaksa menjalankannya.

Abdul Rahman berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Yang Ketiga Belas di sini baru-baru ini.

Katanya, beliau menyokong cadangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan tarif air domestik dan perdagangan sebagai satu langkah pengurusan permintaan air untuk mengelakkan daripada catuan air.

"Tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), kenaikan tarif air ini bertujuan menggalakkan rakyat mengurangkan penggunaan air sekaligus untuk mengelakkan catuan air di Negeri Pulau Pinang.

"Namun demikian, selepas peningkatan tarif air, tarif air domestik yang dikenakan masih terendah di Malaysia iaitu RM 0.32 per meter kubik untuk 35,000 liter pertama sebulan, iaitu 30 peratus daripada harga di Johor. Untuk tarif perdagangan pula, tarif selepas kenaikan adalah sebanyak RM1.36, iaitu kurang daripada tarif purata kebangsaan sebanyak RM 1.45.

"Marilah kita sama-sama mengurangkan penggunaan air bagi menghadapi musim kemarau ekoran *El Nino* tanpa melaksanakan sebarang catuan air," katanya di sini.

Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ketiga Belas tersebut dimulakan dengan upacara istiadat perbarisan bersama panji-panji diketuai Deputi Supritendan (DSP) Mohd. Faizol Che Romly dengan dianggotai tiga pegawai dan 102 anggota dari Unit No. 3, Pasukan Simpanan Persekutuan Pulau Pinang.

Perbarisan turut diiringi dengan rentak muzik pancaragam Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kontinjen Kedah di bawah pimpinan DSP Rahmathullah Khan.

Hadir sama, isteri TYT, Toh Puan Seri Majimor Shariff, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan isteri, Speaker DUN, Datuk Law Choo Kiang dan isteri dan barisan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Pinang.

Menurut Abdul Rahman, Kerajaan Negeri juga telah mengorak langkah bijak dengan membeli unit-unit perumahan yang telah siap dibina pemaju swasta seperti pembelian 51 unit Rumah Pangsa Kos Rendah di Taman Seruling Emas di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) untuk menjalankan Skim Sewa Beli bagi golongan berpendapatan rendah dengan kadar sewaan sebanyak RM100 sebulan dan kos penyelenggaraan RM20 sebulan.



**DR. Abdul Rahman Abbas (dua dari kiri) memeriksa perbarisan pada Majlis Perbarisan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua DUN Yang Ketiga Belas di sini baru-baru ini.**

"Kerajaan Negeri juga melaksanakan Skim Pemilikan Bersama atau "*Shared Ownership Scheme*" (SOS) untuk membolehkan rakyat berpendapatan rendah berpeluang memiliki rumah pertama dengan bantuan pinjaman tanpa faedah, yang merupakan inisiatif julung kali diadakan di Malaysia.

"Di bawah skim ini, pemohon hanya perlu mendapatkan pinjaman bank dengan faedah bank sebanyak 70 peratus daripada harga rumah, manakala baki pinjaman sebanyak 30 peratus lagi akan diperoleh daripada Kerajaan Negeri tanpa faedah.

"Inisiatif ini telah dilaksanakan dengan pembelian 104 unit Rumah Kos Rendah di Taman Sungai Duri Permai, SPS oleh Kerajaan Negeri pada 29 April lalu," jelas beliau.

Pada masa sama, Kerajaan Negeri juga telah memberi peruntukan sebanyak RM11.3 juta kepada Bahagian Perumahan bagi mengurus dan melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan ke atas semua Rancangan Perumahan Kerajaan Negeri.

"Adalah diharapkan agar dengan adanya peruntukan tersebut, secara tidak langsung akan dapat memberi nafas baru kepada semua penduduk Rancangan Perumahan Kerajaan Negeri untuk menikmati kehidupan yang selesa dan harmoni," ujar Abdul Rahman.

## Terima kasih polis jaga keamanan DUN P. Pinang - KM

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng merakamkan penghargaan kepada polis kerana berjaya mengawal keselamatan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, ekoran insiden ahli-ahli UMNO menceroboh dan mencemarkan kemuliaannya di sini baru-baru ini.



**DR. Abdul Rahman Abbas meramah mesra dengan ADUN-ADUN selepas selesainya majlis perasmian.**

Justeru, Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih berharap tindakan undang-undang secara tegas diambil terhadap pihak terbabit menghina kemuliaan dewan, sebagaimana usul tergempar yang telahpun disetujukan.

"Tapi, kita mahu minta juga tindakan yang tegas kepada mereka yang terbabit," ujarnya pada sesi penggulungan di sini baru-baru ini, sebagai respons pada celahan Ketua Pembangkang DUN Pulau Pinang, Datuk Jahara Hamid.

Jahara yang juga ADUN Telok Ayer Tawar sebelum itu mendesak Guan Eng menyatakan pendirian Pembangkang menuntut ADUN Sri Delima, R.S.N Rayer juga memohon maaf secara terbuka.

## Angkut besi kapal dari laut isu Pusat - KM

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Isu sebuah kapal asing dikesan mengambil besi yang dipercayai kapal karam *SunVesta* dari perut laut di luar perairan Pulau Pinang hingga dikatakan memusnahkan terumbu laut di sini lebih wajar mendapatkan penjelasan Kerajaan Pusat.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian pada satu sidang media sejurus berakhirnya Mesyuarat Penggal Kedua Persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-13 di sini baru-baru ini.

Memetik satu laporan Kerajaan Negeri, Guan Eng menjelaskan, kapal laut yang didaftarkan di Kemboja itu dimiliki sebuah syarikat Malaysia.

Kapal asing itu dikendalikan warganegara China dan seorang jurubahasa warganegara Malaysia.

Laporan itu menyebut, kehadiran kapal tersebut direkodkan di Pelabuhan Lumut, Perak pada 13 Mei lepas, dan direkodkan meninggalkan pelabuhan berkenaan untuk keluar belayar sebanyak lima kali.

Hasil aduan berkaitan, Jabatan Laut Wilayah Pulau Pinang pada 22 Mei lepas menahan kapal itu dalam keadaan penuh dengan muatan besi, di suatu lokasi yang tidak jauh dari Pulau Kendi di sini.

Difahamkan, kapal tersebut ditahan untuk membantu siasatan kerana tidak melaporkan kehadiran kepada Jabatan Laut Pulau Pinang, tidak memiliki Sijil Domestic Shipping License, serta tidak memiliki permit kerja-kerja mengambil besi.

"Kejadian kecurian yang berlaku didapati adalah pada jarak kira-kira 30 batu nautika dari bahagian Selatan Pulau Kendi, iaitu 3 batu nautika di luar kawasan sempadan Pulau Pinang.

"Apabila saya ditanya soalan ini (oleh Pembangkang), saya telah jelaskan bahawa perkara ini bukan di bawah keputusan Kerajaan Negeri... saya menjelaskan di sini (sidang media) kerana saya berjanji menjelaskan kemudian.

"Inilah laporan yang telah saya terima...saya rasa isu ini lebih berkaitan dengan agensi-agensi Kerajaan Pusat," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih, sekaligus menjawab isu dibangkitkan beberapa ADUN Pembangkang baru-baru ini.

Tambah Guan Eng, kapal laut itu dikenakan denda maksimum RM100,000 atas kesalahan tidak melaporkan kehadiran di Jabatan Laut Pulau Pinang.

Itu, katanya lagi, tidak termasuk kesalahan tidak memiliki permit serta kesalahan mengambil besi, yang akan dikenakan hukuman berasingan kelak.

**Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas.**

# 200 '*hotspot* seks' di P. Pinang palsu - KM

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Dakwaan Ketua Pembangkang, Datuk Jahara Hamid bahawa Kerajaan Negeri gagal mengawal operasi rumah urut sehingga lebih 200 '*hotspot*' didedah menawarkan khidmat seks di Pulau Pinang adalah palsu belaka.

Ketua Menteri, Y.A.B. Lim Guan Eng baru-baru ini menegaskan, pentadbirannya sejak tahun 2008 berjaya mengurangkan bilangan rumah urut berlesen sehingga tinggal 64 sahaja, berbanding 290 dikenal pasti beroperasi pada era UMNO Barisan Nasional (BN) menguasai Kerajaan Negeri dulu.

"Dari segi bilangan lesen yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri hari ini adalah jauh lebih rendah kalau dibandingkan dengan (bilangan lesen yang diluluskan) Barisan Nasional," celah Guan Eng pada sesi perbahasan Jahara di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini.

Menurut Guan Eng, Ketua Polis Negeri, Datuk Wira Abdul Rahim Hanafi semasa dihubungi baru-baru ini pun mengaku bahawa polis sendiri tiada maklumat berwajib berhubung pendedahan badan penyelidik *Northern Network for Migration & Refugees* (JUMP) di akhbar Bahasa Inggeris, *The Star* bertarikh 6 April lalu.

"Polis pun tiada maklumat mengenai (kajian JUMP) ini dan dia (Abdul Rahim) sendiri berasa ini berita (*The Star*) palsu," ujar Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih.

Justeru, Guan Eng menasihatkan Jahara yang juga ADUN Teluk Air Tawar supaya menghubungi Abdul Rahim sendiri bagi mendapatkan maklumat sahih berhubung laporan JUMP yang didakwa palsu itu.

Terdahulu, penyelidik JUMP, Todd Morrison mendedahkan, lebih 200 '*hotspot* seks' tersebut dikenal pasti berdasarkan maklum balas 172 pemandu teksi di negeri ini.



KETUA Polis Negeri, Datuk Wira Abdul Rahim Hanafi membantu membetulkan seragam Ketua Menteri.

# Laksana mekanisme kawal kenaikan harga hartanah - Jagdeep

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri kini sedang melaksanakan pelbagai mekanisme kawalan bagi memastikan kenaikan harga hartanah di Pulau Pinang adalah pada kadar munasabah dan tidak menjejaskan rakyat, kata Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo ketika sesi penggulungan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Yang Ketiga Belas baru-baru ini.

Beliau berkata, antara mekanisme yang dilaksanakan Kerajaan Negeri ialah dengan memperkenalkan polisi pembekalan rumah kos rendah (KR), kos sederhana rendah (KSR) dan mampu milik serta langkah-langkah kawalan pasaran untuk menekan aktiviti spekulator hartanah.



ADUN Padang Lalang, Chong Eng berjabat tangan dengan ADUN Teluk Air Tawar, Datuk Jahara Hamid yang juga Ketua Pembangkang DUN.

"Kerajaan Negeri akan meneruskan dengan polisi-polisi sedia ada iaitu pembinaan unit-unit rumah KR dan KSR sebanyak 30 peratus daripada jumlah unit-unit yang dibina di Pulau Pinang," ujarnya.

Selain itu, beliau memberitahu, Kerajaan Negeri turut memperkenalkan satu lagi kategori perumahan baru iaitu perumahan mampu milik yang terbahagi kepada tiga jenis iaitu rumah di bawah harga RM200,000, di bawah RM300,000 dan di bawah RM400,000.

"Setakat ini, Kerajaan Negeri bersama - sama Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah mula dengan 10 projek perumahan mampu milik di mana sebanyak 19,973 unit akan dibina menjelang tahun 2018," jelasnya.

Tambah Jagdeep, kerajaan juga telah memperkenalkan skim sewa-beli bagi golongan berpendapatan rendah dengan kadar sewaan sebanyak RM100 sebulan dan kos penyelenggaraan sebanyak RM20 sebulan di 51 unit rumah pangsa kos rendah di Taman Seruling Emas, Seberang Perai Selatan (SPS).

Terkini, Skim Pemilikan Bersama atau *Shared Ownership Scheme* (SOS) di mana pemohon hanya perlu mendapatkan pinjaman bank dengan faedah sebanyak 70 peratus manakala baki pinjaman sebanyak 30 peratus akan diberikan oleh Kerajaan Negeri tanpa sebarang faedah turut diperkenalkan bagi 104 unit rumah di Taman Sungai Duri Permai di SPS.

# Pengezonan tanah tak jejas pengeluaran padi - Afif

**GEORGE TOWN –** Pengeluaran padi tahun lepas meningkat 30 peratus berbanding tahun sebelumnya, sungguhpun pengezonan semula tanah untuk tujuan pertanian kepada pembangunan masih terkawal di negeri ini.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin menjelaskan, jumlah pengeluaran padi atas tanah berkeluasan 12,782 hektar di negeri ini adalah sebanyak 144,436 tan dengan nilai RM180,545,000.

"Pengeluaran padi tahun 2013 meningkat sebanyak 30 peratus, berbanding tahun 2012.

"Ini menandakan, meskipun terdapat pertukaran tanah pertanian kepada pembangunan, pengeluaran pertanian masih meningkat dan pengezonan semula tanah adalah terkawal," jejasnya yang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya dalam ucapannya.

Teks ucapan Afif dibentangkan Jagdeep Singh Deo (ADUN Datuk Keramat merangkap Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan) pada sesi penggulungan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Terdahulu, ADUN Permatang Pasir, Datuk Mohd. Salleh Man melahirkan rasa gusar berhubung kemungkinan jumlah pengeluaran padi menurun akibat kegiatan pertukaran tanah pertanian kepada pembangunan dilakukan di negeri ini.



TIMBALAN Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon bersama isteri pada majlis perbarisan.

# Naiktaraf Kompleks Makanan Padang Brown lengkap bersurau

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**DATUK KERAMAT -** Para peniaga dan pengunjung beragama Islam melahirkan rasa syukur berikutan kemudahan surau yang turut dilengkapkan dalam projek menaiktaraf Kompleks Makanan Padang Brown oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) di sini.

Rata-rata peniaga yang ditemui menyambut baik pengimplementasian tersebut termasuk inisiatif menaiktaraf kompleks makanan yang tidak pernah dinaiktaraf sejak tahun 1965.

Bagi Masayu Majid, 30, yang menjalankan perniagaan di sini, beliau amat tertarik apabila dikhabarkan bahawa sebuah surau turut akan dibangunkan di kawasan tersebut.

"Selalu pelanggan tanya surau di mana?

"Saya jadi segan nak jawab sebab tiada surau dan secara tak langsung ia melahirkan persepsi negatif kata (bahawa) kami (peniaga) tidak sembahyang.

"Kebiasaannya, saya terpaksa sembahyang dalam kereta kerana tiada kemudahan surau dibekalkan di sini," katanya ketika ditemui Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Bagi salah seorang peniaga minuman, Khuraisha Omar Khatab, 39, menyatakan rasa syukurnya apabila dimaklumkan mengenai inisiatif penaiktarafan berkenaan.

"Saya bersyukur, sekurang-kurangnya pelanggan tidak perlu lagi berlari ketika hujan. Paling sedih bila tengok sambil berdiri pun mereka habiskan makanan.

"Dalam pada itu, saya juga berharap bumbung dapat ditinggikan untuk mengelakkan bola dari padang bersebelahan masuk ke dalam tempat makan," ujar beliau.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada Majlis Perasmian Pelaksanaan Projek Naiktaraf Kompleks Makanan Padang Brown baru-baru ini menzahirkan harapan supaya inisiatif penaiktarafan yang sedang bermula tersebut mampu membantu para penjaja menaikkan mutu kehidupan masing-masing.

"Ini merupakan satu usaha yang perlu dilakukan ekoran peningkatan kos sara hidup kian meruncing sejak kebelakangan ini.

"Kenaikan harga barangan tidak boleh dijadikan satu alasan kepada MPPP untuk tidak melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf kompleks makanan di dalam pulau ini demi kepentingan para penjaja serta peniaga," ucap beliau.



LAKARAN artis yang menunjukkan reka bentuk baru kompleks yang dijangka siap pada Mac 2015.



RUPA bentuk Kompleks Makanan Padang Brown kini.

Kerja-kerja menaiktaraf kompleks bernilai RM2,620,110.40 tersebut bakal merangkumi 33 gerai makanan dan minuman halal, makanan dan minuman tidak halal (24), tandas awam lelaki, wanita serta orang kurang upaya (OKU), bilik khas untuk menyusu, surau, laluan basikal serta kerja-kerja landskap.

Melalui tender terbuka dilaksanakan MPPP, Syarikat Arza Aktif Enterprise merupakan pihak berjaya dilantik untuk menjalankan kerja-kerja menaiktaraf kompleks berkenaan.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng, Yang di-Pertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail dan Setiausaha Perbandaran MPPP, Ir. Ang Aing Thye.

Menurut Guan Eng, bagi memberi laluan kerja-kerja naiktaraf yang dijangka siap pada Mac 2015, para peniaga dipindahkan ke gerai sementara di lokasi berhampiran.

Sementara itu, tahun lalu, MPPP juga telah menaiktaraf Padang Datuk Keramat yang terletak bersebelahan kompleks makanan terbabit.

Dengan peruntukan kos RM900,000, padang terbabit telah dibuka pada September tahun lalu untuk digunakan sepenuhnya pihak persatuan, sekolah, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan jabatan serta agensi kerajaan bagi penganjuran semua aktiviti sukan terutamanya bola sepak.

## Kalendar Pelancongan Pulau Pinang Mei - Jun 2014



31hb Mei - 8hb Jun
***Festival Flora Pulau Pinang 2014***
***9:00pg - 7:00mlm***
*Taman Botani Pulau Pinang*









7hb - 8hb Jun
***Penang International Dragon Boat Festival 2014***
***9:00pg - 5:00ptg***
*Empangan Teluk Bahang*

**SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA**

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**
CHAN LILIAN
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
MARK JAMES

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
LOO MEI FERN

sertai kami melalui "***sms blast***", taip "***ADD ME***" 010 333 1758

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar,
10503 Pulau Pinang.
Emel: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Talian Pejabat
04 - 650 5561, 04 - 650 5559,
04 - 650 5705, 04-650 5375, 04 - 650 5256

# 206 keluarga asnaf terima rumah ZPP sejak 2008

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**PINANG TUNGGAL –** Lima terpilih menerima bantuan rumah faqir dan miskin Zakat Pulau Pinang (ZPP) peringkat Daerah Seberang Perai Utara (SPU) di sini baru-baru ini.

Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Datuk Mohd. Salleh Man memberitahu, ZPP telah membina dan menyerahkan sebanyak 206 unit rumah bernilai RM35,000 kepada golongan asnaf sejak tahun 2008 hingga kini.

Itu, tidak termasuk tujuh unit dan 51 unit rumah serupa yang dibina pada tahun 2006 dan 2007.

“Tahun ini sahaja, kita membina 10 unit rumah di seluruh Pulau Pinang dengan nilai agihan RM3,056,900 dan baiki lebih 20 rumah asnaf terpilih dengan nilai agihan RM194,664.20.

“Golongan asnaf yang mempunyai tanah, tetapi, tidak ada tempat berlindung (rumah) layak untuk memohon,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir di sini baru-baru ini.

Dua Ahli Lembaga Pengarah ZPP, Ir. Ahmad Zakiyuddin Abd. Rahman dan Rahmah Md. Isa serta Dr. Azman Abdul Somat (Pengurus Besar ZPP) turut hadir pada majlis penyampaian replika kunci kepada semua penerima yang layak.

Salah seorang penerima, Azizan Ibrahim, 50, melahirkan rasa bersyukur kepada Allah kerana disenaraikan sebagai antara lima penerima rumah ZPP.

“Sejak hilang pekerjaan tetap akibat sakit jantung dua tahun lepas, saya dan lima anak menumpang di rumah adik. Mujur, isteri boleh bekerja sebagai penyelia kebersihan.

“Syukur... kami sekeluarga boleh hidup lebih selesa dan sihat dengan sumbangan ini,” ujarnya kepada Buletin Mutiara di sini.

Difahamkan, ZPP membelanjakan kira-kira RM10,180,487 untuk membina 264 unit rumah sejak program mesra asnaf terpilih berkenaan diperkenalkan pada tahun 2006.



**AZIZAN Ibrahim (duduk) menerima replika kunci Rumah Asnaf ZPP daripada Mohd. Salleh Man (tengah) sebagai gimik Majlis Penyampaian Program Bantuan Rumah Faqir dan Miskin ZPP Peringkat Daerah SPU di sini baru-baru ini.**

## Diugut kontraktor 'samseng', lapor polis



**JAGDEEP Singh Deo (bertali leher) membuka pintu pagar automatik Persatuan Penyayang Warga Tua Pulau Pinang sebagai gimik pelancaran majlis berkenaan di sini baru-baru ini.**

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**JELUTONG –** Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo menggesa individu atau penduduk yang masih dibelenggu masalah kontraktor 'samseng' supaya membuat laporan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) atau datang sendiri berjumpa dengan beliau.

Kata Jagdeep, perkara tersebut dipandang serius pihaknya yang mana terdapat penduduk pernah diugut ala 'samseng' supaya menggunakan perkhidmatan kontraktor ditetapkan sekiranya ingin melakukan pengubahsuaian kediaman.

“Baru-baru ini, saya ada melakukan pertemuan dengan Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Wira Abdul Rahim Hanafi bagi membincangkan perkara ini.

“Hasilnya, beliau berjanji akan mengambil tindakan tegas terhadap laporan berkaitan yang diterima,” ujarnya selepas menyempurnakan Majlis Perasmian Pintu Pagar Automatik Persatuan Penyayang Warga Tua Pulau Pinang di Jalan Thomas di sini baru-baru ini.

Pintu pagar yang memberi kesenangan kepada penghuni-penghuni rumah berkenaan adalah hasil sumbangan peribadi Jagdeep bernilai RM2,400.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow serta Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim.

Menurut Jagdeep, beliau melahirkan sedikit kekesalan apabila setakat ini, hanya dua laporan polis dibuat penduduk terlibat berhubung hal demikian.

“Saya seru sekali lagi kepada penduduk terlibat supaya jangan takut untuk membuat laporan dan pihak Kerajaan Negeri tidak akan membiarkan perkara ini berleluasa.

“Sekiranya didapati bersalah, seseorang (kontraktor) terlibat boleh didakwa di bawah Seksyen 506 Kanun Keseksaan kerana melakukan ugutan,” tegasnya.

## Menang Bkt. Gelugor hadiah untuk ayah - Ramkarpal

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI & ZAINULFAQAR YAACOB**



**RAMKARPAL Singh berjabat tangan dengan salah seorang warga emas sebagai tanda penghargaan di atas kemenangan beliau pada lawatan ke Pasar Awam Air Itam di sini baru-baru ini.**



**MEMELUK erat ibunya selepas diumumkan sebagai pemenang PRK Bukit Gelugor di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Ramkarpal Singh , 38, berjaya mempertahankan kemenangan bagi kerusi Parlimen Bukit Gelugor yang dikosongkan mendiang ayahnya, Karpal Singh dengan 37,659 undi majoriti, walaupun jumlah keluar mengundi yang diumumkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) hanya 56.04 peratus.

Kemenangan itu sekaligus menyaksikan Naib Presiden Parti Cinta Malaysia (PCM), Datuk Huan Cheng Guan serta dua calon BEBAS lain, Mohd. Nabi Bux Mohd. Abdul Sathar dan Abu Backer Sidek Mohammad Zan masih-masing hilang wang pertaruhan, dengan direkodkan 539 sebagai undi rosak.

Bercakap kepada wartawan, Ramkarpal menganggap kejayaannya itu adalah hadiah buat ayahnya.

"Kemenangan ini adalah untuk mendiang ayah saya, Karpal Singh kerana beliau merupakan sumber inspirasi," ujarnya di Pusat Penjumlahan Undi SPR bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) Bukit Gelugor dekat Dewan Sri Pinang di sini baru-baru ini.

Menurut Ramkarpal, undi mojiriti yang diperolehnya kemungkinan lebih tinggi sekiranya lebih ramai pengundi berdaftar melakukan tanggungjawab masing-masing demi negara.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pula menyifatkan kemenangan Ramkarpal sebagai suatu kesinambungan pada perjuangan yang ditinggalkan oleh mendiang Karpal Singh, yang terlibat dalam nahas jalan raya pada 17 April lepas.

"Kemenangan ini memastikan kita semua (Pakatan Rakyat) dapat meneruskan perjuangan mendiang Karpal Singh," ujar Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan pada sidang media sama.

Tambah Guan Eng, PRK ini sekaligus menunjukkan Ramkarpal menerima sokongan paling kuat, sehingga ketiga-tiga calon lain masing-masing hilang deposit RM15,000.

Selain itu, katanya lagi, PRK itu juga boleh dianggap sebagai representasi rakyat membantah amalan politik samseng membabitkan penyokong Pembangkang Pulau Pinang serta membantah langkah Kerajaan Pusat mahu melaksanakan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) di tanah air ini.

"Kalau dicampur ketiga-tiga undi calon tadi, masih akan hilang deposit. Maaf, tiada deposit bagimu," seloroh Guan Eng.

# TP1M – Kementerian digesa beri maklum balas segera

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** – Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan digesa memberi maklum balas segera berhubung perkembangan permohonan membaiki rumah melalui Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) yang dikemukakan sebelum ini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, sehingga kini, sejumlah tiga daripada 119 permohonan telah diluluskan, manakala 40 lagi masih dalam pertimbangan untuk diluluskan dengan 76 (permohonan) masih tergantung.

"Saya amat kecewa dengan kelewatan Kerajaan Persekutuan dalam mempertimbangkan serta meluluskan permohonan TP1M.

"Kita (Kerajaan Negeri) telah menghantar surat dan memohon penjelasan segera sama ada baki permohonan diluluskan atau tidak," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Sebagai rekod, melalui peruntukan di bawah TP1M, Kerajaan Persekutuan akan membiayai 90 peratus kos penyelenggaraan bagi projek perumahan kos rendah dan projek perumahan kos sederhana rendah (70 peratus), manakala bakinya ditanggung badan pengurusan bersama (JMB) atau persatuan penduduk.

Namun, bagi mengurangkan bebanan, Kerajaan Negeri melalui dana Program Bantuan Perumahan Pulau Pinang *(HAPPY!)* membiayai baki kos ditanggung JMB atau persatuan penduduk di bawah TP1M.

Tambah beliau, permohonan TP1M bukan sahaja melibatkan kerja-kerja mengecat semula dan membaik pulih sistem pepaipan, tetapi turut membabitkan situasi kritikal seperti penyelenggaraan lif, pendawaian semula dan membaik pulih bumbung kediaman.

"Sekiranya permohonan ditolak, maka Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan untuk membantu sedayanya membiayai kos penyelenggaraan tersebut," ujarnya.

Beliau dalam pada itu turut memberi contoh Taman Pinang di Jalan Sungai Pinang yang memerlukan dana segera berjumlah RM155,000 untuk membaiki bumbung.

"Disebabkan tiada jawapan daripada Kerajaan Persekutuan berkaitan permohonan tersebut, Kerajaan Negeri telah membantu membiayai 80 peratus kos membaiki bumbung dan 20 peratus lagi ditanggung penghuni Taman Pinang (nisbah 80:20).

"Bagaimanapun, baru-baru ini, satu senarai cadangan untuk meluluskan 40 permohonan TP1M telah dikeluarkan dan Taman Pinang tersenarai menerima RM251,100 (90 peratus daripada RM279,000) untuk kerja-kerja mengecat semula, membaiki papan siling, sistem retikulasi dan membaiki bumbung, sedangkan Kerajaan Negeri telahpun melaksanakan kerja-kerja membaiki bumbung tersebut.

"Dalam keadaan ini, kita telah memohon Kerajaan Persekutuan untuk membayar balik kepada Kerajaan Negeri kos membaiki bumbung berjumlah RM139,500 supaya kita (Kerajaan Negeri) boleh membayar balik RM31,000 kepada penghuni Taman Pinang yang turut 'dipaksa' bayar 20 peratus kos tersebut," tegas beliau.

Jelas Jagdeep, kelewatan meluluskan TP1M bukan sahaja menyebabkan penghuni 'dipaksa' membayar 20 peratus kos, malah menjadi punca pembaziran wang rakyat.

"Pelaksanaan TP1M perlulah efisien, tidak perlu banyak alasan atau melengah-lengahkan permohonan.

"Sekiranya Kerajaan Persekutuan 'mampu' bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk merealisasikan hasrat penduduk di Pulau Pinang, ia akan menjadi sejarah yang klasik," katanya.

# Pasar Awam Paya Terubong bakal siap setelah 15 tahun



CHOW Kon Yeow (tiga dari kanan) mendapatkan penjelasan daripada wakil syarikat pembinaan berhubung pembinaan semula Kompleks Pasar Awam Paya Terubong pada sidang media di sini baru-baru ini.

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN** – Penduduk sekitar Paya Terubong di sini bersyukur setelah penantian selama 15 tahun bagi memiliki pasar awam sendiri bakal tercapai ekoran pengumuman Kerajaan Negeri baru-baru ini berhubung penyambungan semula projek pembinaannya yang sebelum ini terbengkalai.

Pengumuman tersebut dibuat Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Exco Kerja Raya, Utiliti, Pengangkutan, Lim Hock Seng dan Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo.

Guan Eng berkata, Kompleks Pasar Awam Paya Terubong yang dibina di Tingkat Paya Terubong 4 berhampiran projek perumahan *Majestic Heights* akan menelan belanja kira-kira RM7 juta hingga RM8 juta untuk dibangunkan semula.

"Pembinaan semula projek pasar empat tingkat tersebut akan dimulakan pada awal tahun depan dan dijangka tidak akan mengambil tempoh yang lama untuk disiapkan.

"Projek ini akan dikendalikan syarikat pembinaan, *Patsifit Contsruction Sdn. Bhd.* yang mana bakal menempatkan pasar basah, kering, pusat penjaja, dewan komuniti dan tempat letak kereta," jelas beliau.

Sebelum ini, Kerajaan Negeri turut membangun dan menghidupkan semula projek perumahan *Majestic Heights* Fasa 2A yang telah terbengkalai sejak 11 tahun lalu.



# Warga PDC ikrar lawan rasuah

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BAYAN BARU –** Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) menjadi syarikat berkaitan kerajaan (GLC) pertama di bawah Kerajaan Negeri melakukan ikrar integriti korporat (CIP) selaras dengan hasrat pihak berkenaan mengurus tadbir sesebuah organisasi berprinsipkan Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT).

Hal tersebut mendapat reaksi positif Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang menyempurnakan Majlis Perasmian Melafaz dan Menandatangani CIP membabitkan semua warga kerja PDC dengan diketuai Pengurus Besarnya, Datuk Rosli Jaafar di sini baru-baru ini.

"Kecekapan dan integriti pentadbiran Kerajaan Negeri sejak 2008 terbukti apabila memperkenalkan prinsip CAT serta pentadbiran berasaskan bajet dengan mencipta lebihan belanjawan setiap tahun tanpa meningkatkan sebarang kadar.

"Sebaliknya, Kerajaan Negeri berjaya meningkatkan lagi aset negeri sebanyak 50 peratus iaitu daripada RM800 juta kepada RM1.2 bilion; mengelakkan kerajaan tempatan iaitu Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) daripada mengalami sebarang bentuk muflis serta pengurangan hutang negeri hingga 95 peratus," ucapnya pada majlis terbabit di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus dan Pengarah Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pulau Pinang, Datuk Samarajoo Manikam.

Menurut Guan Eng, pencapaian



**SEBAHAGIAN warga kerja PDC yang melafazkan CIP pada Majlis Perasmian Melafaz dan Menandatangani CIP di sini baru-baru ini.**

Kerajaan Negeri lazimnya telah memperoleh pengesahan daripada *Transparency International* dan laporan Tahunan Ketua Audit Negara.

Selain kecemerlangan pentadbiran Kerajaan Negeri, beliau turut memuji urus tadbir PDC yang cekap buat kali ke-lima berturut-turut.

"Sejak tahun 2008, PDC dianugerahkan taraf empat bintang iaitu kedudukan Indeks Akauntabiliti pengurusan kewangan tertinggi oleh Jabatan Audit negara.

"Pencapaian ini sudah cukup membuktikan taraf ketelusan yang tinggi diamalkan oleh PDC," jelas beliau yang juga merupakan Pengerusi badan terbabit.

Lanjutan itu, Guan Eng mencadangkan SPRM supaya menggariskan enam panduan utama melawan rasuah dalam negara antaranya, mengisytiharkan harta Perdana Menteri, Menteri, Ketua Menteri/Menteri Besar, dan Exco; menjalankan tender terbuka; larangan kepada ahli keluarga dalam membida kontrak kerajaan; perlindungan kepada pemberi maklumat; menggantikan pemimpin yang hidup mewah dan tidak berselindung di sebalik kerja amal dan politik.

Dalam pada itu, Samarajoo memuji tindakan PDC yang memberi sepenuh komitmen bagi menjadikan perbadanan tersebut sebagai lebih kondusif dalam memajukan negeri ini.

"Sememangnya rasuah kalau kita dapat lihat, ianya akan memesongkan tadbir urus sesebuah organisasi dengan amat serius, lantas kita perlu menekankan konsep integriti dan ini sentiasa dititikberatkan SPRM," ucapnya ketika membacakan teks ucapan Ketua Pesuruhjaya SPRM (Malaysia), Tan Sri Abu Kasim Mohamed.

# Jenamakan KR, KSR elak stigma rakyat - Exco

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**PADANG LALANG –** Panggilan rumah kos rendah (KR) dan rumah kos sederhana rendah (KSR) perlu dijenamakan semula supaya lebih menghargai sensitiviti penerima terpilih berwajib di negeri ini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata demikian semasa merasmikan Upacara Pengundian Rumah Pangsa Kos Rendah HillPark Residensi di sini baru-baru ini.

"Secara peribadi, (panggilan) rumah kos sederhana rendah (KSR) dan rumah kos rendah (KR) perlu dijenamakan semula kerana panggilan 'rendah' itu tidak sesuai dan dilihat menjadi stigma kepada penerima.

"Bagaimanapun, saya sangat menghargai komitmen pemaju Eupe Corporation Berhad, yang menyediakan 96 unit rumah kos rendah untuk mereka cabut undi pada hari ini," ujarnya di sini baru-baru ini sambil memberitahu bahawa penjenamaan kedua-dua kategori rumah mampu milik tersebut adalah di bawah bidang kuasa Putrajaya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang merangkap Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chong Eng dan Teo Chew Kow (Sunrise Manner Sdn Bhd., iaitu anak syarikat kepada Kumpulan Eupe) turut hadir pada majlis tersebut.

Sebelum itu, Pengarah Urusan Kumpulan Eupe Corporation Berhad, Datuk Beh Huck Lee dalam ucapannya memberitahu, pihaknya sejak tahun 1986 telahpun berjaya membina lebih 20,000 unit rumah mampu milik di negara ini, termasuk lebih 9,000 KR.

Dalam perkembangan lain, Jagdeep yang juga ADUN Datuk Keramat turut menolak kenyataan berunsur politik bekas Ahli Parlimen Balik Pulau, Yusmadi Yusoff yang dilaporkan mendakwa bahawa pembangunan mega Kerajaan Negeri di Balik Pulau dilihat mengusir keluar penduduk asal hatta memangsakan warga miskin setempat.

Memetik laporan akhbar berbahasa Inggeris, *The Star* pada 4 Mei lepas, Yusmadi turut menyebut, "terdapat banyak pembangunan kediaman yang menceroboh penempatan kampung."

Justeru, tegas Yusmadi, pihaknya telahpun menubuhkan Koperasi Pembangunan Balik Pulau demi memelihara kepentingan penduduk asal tanpa mengira kaum.

Mengulas mengenai kenyataan Yusmadi, Jagdeep menegaskan bahawa Kerajaan Negeri tidak pernah melaksanakan pembangunan yang menindas mana-mana kaum.

"Kita (Kerajaan Negeri) tidak pernah ada polisi mengusir mana-mana penduduk asal atas nama pembangunan.

"Apa yang disebut Yusmadi ini sama sekali tidak benar kerana dalam setiap projek perumahan mesti menyediakan 30 peratus rumah kos rendah dan sederhana rendah untuk golongan yang berkelayakan," tegas beliau.

Tuntas itu, Jagdeep berharap dapat bertemu dan berbincang Yusmadi mengenai idea perancangan idea bekas Ahli Parlimen tersebut yang baginya nyata menguntungkan rakyat, serta selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri kini.

## QNET pilih P. Pinang anjur konvensyen tahunan



**KETUA Menteri ditemani Vijay Eswaran (depan, dua dari kiri) dan Megat Najmuddin Megat Khas (depan, tiga dari kiri) pada Majlis Pembukaan V-Malaysia 2014 di sini baru-baru ini.**

**TUMPUAN...** Peserta dari 60 negara berkumpul di negeri ini sempena penganjuran konvensyen tahunan sebuah syarikat jualan langsung QNET baru-baru ini.

Majlis diberi nama V-Malaysia 2014 tersebut dilangsungkan selama lima hari bertujuan memberi pendedahan dan peluang kepada lebih 10,000 pengedar QNET seluruh dunia terutamanya bagi peserta baru menjalani kursus intensif pembangunan diri dan mengenali jenama baru QNET iaitu sejenis produk kesihatan dan gaya hidup sihat.

Hadir menyempurnakan upacara pembukaan konvensyen adalah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Hadir sama, Pengasas QNET merangkap Pengerusi Eksekutif QI Group, Datuk Sri Vijay Eswaran yang juga anak jati Pulau Pinang, Pengerusi QNET Malaysia, Tan Sri Megat Najmuddin Megat Khas dan Pengarah Urusan QI Group, Joseph Bismark.

Guan Eng berkata, konvensyen tersebut bukan sahaja membawa usahawan berbakat dari seluruh dunia ke Malaysia, sebaliknya, telah menaikkan profil Pulau Pinang sempena Tahun Melawat Malaysia 2014.

Majlis pembukaan konvensyen bertambah menarik apabila diserikan dengan perarakan pakaian kebangsaan warna-warni perwakilan dari 60 negara.

# Tiga pendekatan kukuh pendidikan negeri - KM



KETUA Menteri, Mohd. Rashid Hasnon (tiga dari kanan), Gurmit Kaur (enam dari kanan) bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri ketika mengadakan lawatan ke bahagian dalaman bangunan Pusat Pembelajaran Pulau Pinang Karpal Singh dan Akademi Badminton Pulau Pinang pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GELUGOR -** Menyedari pendidikan merupakan tunjang pembangunan sesebuah negara bagi membina modal insan dan memacu pertumbuhan ekonomi, Kerajaan Negeri menggunakan tiga serampang pendekatan bagi mengukuhkan institusi pendidikan sedia ada di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, bukan sahaja pendidikan boleh mengurangkan ketidaksamaan pendapatan, tetapi ia juga boleh menyediakan mobiliti sosial dan peluang ekonomi kepada semua. Oleh itu, jalan yang menjamin kepada kejayaan adalah sistem pendidikan yang kukuh.

"Kerajaan Negeri akan mengguna pakai pendekatan tiga serampang ke arah mengukuhkan pendidikan di negeri ini iaitu menyediakan pembiayaan tahunan kepada semua sekolah-sekolah vernakular dan sekolah agama.

"Kedua, membangunkan pusat pembelajaran dengan konsep STEM iaitu fokus utama menjurus kepada pembelajaran Sains, Teknologi, Bahasa Inggeris dan Matematik.

"Ketiga ialah menarik kemasukan universiti-universiti bertaraf dunia dan juga mengadaptasikan sistem vokasional Jerman dalam kalangan syarikat multinasional," ujarnya sempena Perasmian Pusat Pembelajaran Pulau Pinang Karpal Singh dan Akademi Badminton Pulau Pinang di Jalan Kaki Bukit, di sini baru-baru ini.

Hadir sama, barisan penaja institusi berkenaan termasuk Pengerusi Yayasan ECM Libra, Datuk Sri Kalimullah Hassan, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Timbalan Ketua Menteri II, Profesor Dr. P. Ramasamy, barisan Exco dan balu kepada mendiang Karpal Singh, Gurmit Kaur.

Mengulas lanjut mengenai nama pusat berkenaan, Guan Eng menyatakan bahawa ia adalah cadangan pihak penaja sebagai memperingati dan mengenang jasa mendiang tokoh Ahli Parlimen Bukit Gelugor tersebut terhadap semangatnya dalam menegakkan kesaksamaan dan keadilan.

Kira-kira RM4 juta diperuntukan bagi membangunkan dua blok bangunan di atas sebidang tanah berukuran 2.63 ekar melalui model Perkongsian Awam-Swasta (PPP) yang bertujuan menyediakan belia dengan pilihan lebih baik bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran masing-masing.

Projek tersebut bakal melengkapkan sebuah perpustakaan, tujuh kelas bahasa dan tuisyen, enam hingga lapan gelanggang badminton serta kantin.

Secara keseluruhan, Pusat Pembelajaran Pulau Pinang Karpal Singh dan Akademi Badminton Pulau Pinang bakal memberikan khidmat kepada masyarakat dari segi penyediaan lokasi unik di mana pelajar kurang bernasib baik bakal mempunyai tempat sesuai untuk mengikuti kelas tuisyen dan mempelajari bahasa baru serta cemerlang dalam sukan badminton.

Antara bahasa yang akan diberi tumpuan ialah bahasa asing selain daripada Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Mandarin dan Tamil. Malah, penekanan terhadap kelas Sains serta Matematik juga bakal diimplementasikan.

## Pengumpul mangkuk tingkat catat rekod



PROF. P. Ramasamy (dua dari kiri) bersama-sama J. Prakash (kiri sekali) dan M. Punitha (tiga dari kiri) menunjukkan sijil pengiktirafan *Malaysia Book of Records* yang diterima di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Usaha pasangan suami isteri mengumpulkan mangkuk bertingkat atau lebih dikenali sebagai 'sia' oleh orang Utara Semenanjung sebagai bekas makanan memperoleh pengiktirafan *Malaysia Book of Records* di sini baru-baru inii.

Pengiktirafan tersebut direkodkan sebagai hasil pengumpulan terbesar mangkuk tingkat yang turut dipamerkan pada pameran Mangkuk Tingkat di Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang bermula Mei hingga Julai ini.

Pasangan terbabit, J. Prakash dan isterinya M. Punitha berjaya mengumpul lebih daripada 185 buah mangkuk tingkat pelbagai bentuk, saiz dan warna yang digunakan sejak zaman-berzaman dan merupakan simbol kepada semangat persaudaraan kiriman buah tangan atau silaturrahim.



ANTARA mangkuk tingkat yang dipamerkan.

Punitha ketika ditemui berkata, mangkuk tingkat adalah barangan wajib dibeli apabila beliau melancong.

"Mangkuk tingkat ini ada yang dibeli dari Jepun, India, Cina dan lain-lain," ujarnya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy yang hadir memuji usaha dan kesungguhan pasangan berkenaan.

"Barang warisan perlu dijaga untuk generasi akan datang.

"Penggunaan mangkuk tingkat lebih baik daripada polimer, malahan, ianya boleh digunakan dalam jangka panjang," ujarnya

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Khas Sekolah-sekolah Tamil, Datuk Dr. Anbalagan.

## Kasthuriraani gesa Putrajaya peka masalah ibu tunggal

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**



P. Kasthuriraani (kanan) menyampaikan sekuntum bunga kepada seorang ibu sempena sambutan Hari Ibu Sedunia di sini baru-baru ini.

**BUKIT TENGAH –** Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani menggesa Putrajaya supaya mengkaji semula bantuan kebajikan kepada ibu tunggal negara ini ekoran kos sara hidup yang semakin meningkat kini.

Menurutnya, walaupun terdapat pelbagai jenis bantuan diberikan, namun jumlah bantuan yang diterima ibu tunggal pada hari ini adalah tidak munasabah dengan kos hidup sekarang.

"Saya akan membawa isu-isu berkaitan dengan kaum ibu dan ibu tunggal ke Parlimen yang akan bersidang tidak lama lagi.

"Saya berharap Kerajaan Pusat sentiasa peka dengan masalah rakyat, terutamanya golongan ibu tunggal dan tidak mendiskriminasikan mana-mana negeri dalam memberikan bantuan," katanya ketika ditemui semasa mengedarkan bunga sempena sambutan Hari Ibu Sedunia di Bukit Tengah di sini baru-baru ini.

Kasthuriraani memberitahu, sebanyak 1,500 kuntum mawar merah diedarkan kepada kaum ibu di tiga kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di bawah Parlimen beliau sebagai pengiktirafan kepada golongan itu dalam membangunkan negeri ini.

"Walaupun program ini tidaklah seberapa, tetapi sekurang-kurangnya kaum ibu di sini dapat merasakan diri mereka dihargai sekaligus lebih bersemangat menjalankan tanggungjawab masing-masing.

"Kaum ibu pada masa sekarang sentiasa menjadi tulang belakang kepada keluarga, komuniti dan juga negeri, sekaligus pengorbanan mereka patut diangkat dan dihargai," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau turut menyarankan agar kaum ibu turut sama aktif dalam penubuhan Briged Wanita bagi merebut peluang dan manfaat disediakan Kerajaan Negeri.

"Saya harap kita sama-sama bergerak di bawah Briged Wanita supaya dapat menonjolkan kemampuan golongan wanita dalam membangunkan Pulau Pinang," jelas Kasthuriraani.

# Makanan enak industri kulinari lonjak sektor ekonomi negeri

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyatakan bahawa keenakan dan kelazatan makanan Pulau Pinang yang menjadi tumpuan pelancong dari dalam serta luar negara telah menjadikan industri kulinari di sini antara penyumbang utama dalam menaikkan sektor ekonomi negeri.

Perkara tersebut dinyatakan beliau ketika merasmikan cawangan baru rangkaian Restoran Sri Ananda Bahwan Multicuisine Cafe di bangunan Lembaga Wakaf Hindu (HEB), Jalan Utama di sini baru-baru ini.

Guan Eng memberitahu, kenyataan tersebut tidak dapat disangkal apabila penerbitan rancangan televisyen popular, *Lonely Planet* menyatakan bahawa Pulau Pinang antara 'syurga makanan' terbaik yang menyediakan masakan pelbagai bangsa dan keturunan.

Mengulas lanjut mengenai majlis berkenaan, beliau menyatakan bahawa pembukaan cawangan restoran berkenaan merupakan langkah perkongsian bijak Kerajaan Negeri (ADUN) dalam menjana pendapatan.

"Ini kerana dengan membenarkan pihak swasta menyewa bangunan kerajaan, aspek penjagaan bangunan adalah lebih terurus yang mana di bawah tanggungjawab penyewa berkaitan.

"Pihak Sri Ananda Bahwan yang menyewa bangunan ini dengan kadar RM5,000 sebulan turut bertanggungjawab memelihara tempat ini," ucap beliau.

Hadir sama, isteri kepada Ketua Menteri, Betty Chew Gek Cheng, Timbalan Ketua Menteri II, Prof Dr. P. Ramasamy, Exco Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan, Law Heng Kiang, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, A. Tanasekharan, dan dua pemilik bersama Restoran Sri Ananda Bahwan, V. Harikrishnan dan V. Selvaraj.



**BETTY Chew Gek Cheng (depan, dua dari kanan) bersama-sama dif-dif jemputan lain diraikan sempena sambutan Hari Ibu pada Majlis Perasmian Pembukaan Cawangan Restoran Sri Ananda Bahwan di sini baru-baru ini.**

Pembukaan cawangan baru Sri Ananda Bahwan ini bakal menyajikan sajian menarik dari Selatan dan Utara India, Gujerati, termasuk masakan Cina serta masakan tempatan lain.

# Majikan perlu peka kesan rumah lebih penghuni/pekerja

**PULAU TIKUS -** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey menggesa pihak berkuasa tempatan (PBT) supaya mengambil tindakan tegas terhadap pemilik, tuan rumah serta majikan yang menempatkan para pekerja membabitkan warga asing pada jumlah berlebihan dalam sesebuah premis di sini.

Tindakan tersebut, tegas beliau adalah bagi mengelakkan tercetusnya isu-isu sosial, kebersihan dan sebagainya.



**YAP Soo Huey menunjukkan salah satu premis yang dipercayai disewakan kepada warga asing di sini baru-baru ini.**

Soo Huey memberitahu, berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan 1976 dalam erti kata lain, menyatakan pemilik, tuan rumah atau majikan yang membenarkan premis mereka disewakan sehingga menimbulkan masalah berkaitan boleh dirujuk di bawah akta ini yang boleh menyebabkan pelaku didenda ribuan ringgit termasuk tindakan penjara sekiranya ingkar.

"Jika berlaku masalah seperti sampah misalannya, apabila aduan diterima, PBT boleh membuat pemeriksaan dan mengarahkan pemilik supaya membersihkan tempat sewaan berkenaan.

"Jikalau mereka (pemilik, tuan rumah atau majikan) enggan berbuat demikian, mereka boleh didenda atau dipenjara tidak melebihi enam bulan," ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Sidang media tersebut diadakan hasil maklum balas diterimanya membabitkan kawasan sekitar Taman Berjaya di sini.

Menurut Soo Huey, apabila 15 hingga 20 warga asing menghuni sesebuah premis, aspek yang dipandang serius adalah faktor kebersihan sehingga menjejaskan kesihatan setempat.

"Turut berkait rapat adalah isu ketenteraman awam yang mana kadang-kala premis yang disewakan kepada warga asing kerap-kali menimbulkan suasana bising dan mengganggu kejiranan setempat.

"Malah, undang-undang negara juga mensyaratkan jarak antara setiap penghuni (dengan penghuni lain) dalam sesebuah premis adalah sebanyak enam kaki iaitu mereka (penghuni) tidak boleh bersentuhan apabila tangan didepakan," ujar beliau.

Beliau memberitahu, mengikut rekod Jabatan Imigresen, terdapat 108,304 pekerja asing di Pulau Pinang.

Justeru, Soo Huey menyarankan supaya undang-undang tersebut dikuatkuasakan demi keselesaan para pekerja dan pada masa sama mewujudkan persekitaran yang selesa.

"Majikan seharusnya bertanggungjawab dalam melahirkan masyarakat yang harmoni dan tidak seharusnya mengambil sikap lepas tangan dan bersikap hanya ingin mengurangkan kos," tegas beliau.


## PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG (SSI)

## PERMINTAAN UNTUK CADANGAN

Tawaran ini dibuka kepada Pembida yang terdiri daripada syarikat tempatan untuk menyertai **Permintaan untuk Cadangan *(Request For Proposal - RFP)*** seperti berikut:-

TAJUK : **CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN AGRO - PELANCONGAN PULAU PINANG DI ATAS TANAH SSI DI LOT 311 DAN 498, MUKIM 19, DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG, MALAYSIA**

TARIKH DIBUKA : **15 MEI 2014**

TARIKH DITUTUP : **15 OGOS 2014**

Dokumen RFP tersebut boleh dimuat turun melalui Laman Sesawang Kerajaan Negeri Pulau Pinang di http:***//www.penang.gov.my/*** mulai **15 Mei 2014.**

Cadangan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul bertutup yang ditulis di bahagian sudut atas kanan **Cadangan Pembangunan Dan Pengurusan Agro – Pelancongan Pulau Pinang Di Atas Tanah SSI Di Lot 311 Dan 498, Mukim 19, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang, Malaysia.** Cadangan lengkap tersebut hendaklah dihantar sebelum **12.00 tengah** hari pada 1**5 Ogos 2014** kepada :

**Sekretariat,**
**Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SSI),**
**Tingkat 47, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang, Malaysia.**

Cadangan yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dilayan. Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran tertinggi.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 399 6689 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| **JAWI**<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>afana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soo Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbkttengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| **BATU UBAN**<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PAS PENANG HQ** | (T) 04 - 575 5584 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| **BERTAM**<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **PULAU BETONG**<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>Ridwan Osman<br>ridwan_wan48@yahoo.com | 013-499 5068 |
| **BERTAM**<br>Asrol Sani Abdul Razak<br>asrolsani2006@gmail.com | 013-580 6981 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>Muhasdey Muhamad<br>hadiputra78@yahoo.com | 019-437 2887 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>Arshad Md. Salleh<br>arshad.salleh@yahoo.com | 019-510 2633 |
| **SUNGAI DUA**<br>Zahadi Mohd.<br>zahadi55@yahoo.com | 019-507 3828 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>Norhayati Jaafar<br>yatie7119@yahoo.com.my | 019-433 7119 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>Mohammad Razak | 013-597 6478 |
| **BAYAN LEPAS**<br>Asnah Hashim<br>asnah45@hotmail.my | 019-472 6956 |
| **PULAU BETONG**<br>Hj. Mohd Tuah Ismail<br>tuahismail@yahoo.com | 019-570 9500 |
| **TELUK BAHANG**<br>Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>abdulhalimhussain@gmail.com | 019-480 9599 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS & AMBULANS | 999 |
| BOMBA | 994 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| PENYELAMAT | 991 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |

| | |
|---|---|
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| PUSAT INFO PELANCONG | 04-261 4461 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| JABATAN BURUH | 04-262 5536 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | : 019 - 409 5922 | - Shukri |
| N2 | Bertam | : 019 - 593 3736 | - Fatimah |
| N3 | Pinang Tunggal | : 017 - 424 9371 | - Tasrin |
| N4 | Permatang Berangan | : 019 - 556 4664 | - R.M. Reza |
| N5 | Sungai Dua | : 013 - 595 6865 | - Rosli Man |
| N6 | Telok Air Tawar | : 019 - 433 7464 | - Mat Zahir |
| N7 | Sungai Puyu | : 012 - 480 5495 | - Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | : 013 - 449 0366 | - Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | : 016 - 473 1963 | - Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | : 04 - 390 5109 | - Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | : 019 - 412 8442<br>013 - 595 6865 | - Kamal<br>- Rosli |
| N12 | Penanti | : 04 - 538 2871<br>04 - 538 3871 | - Tira |
| N13 | Berapit | : 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | - Mr.Lim<br>- Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | : 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | - Andrew Chin<br>- Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | : 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | - Chan<br>- Lai |
| N16 | Perai | : 04 - 399 6689 | - Selvi |
| N17 | Bukit Tengah | : 013 - 518 8735 | - Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | : 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | - G.Dumany<br>- Khor |
| N19 | Jawi | : 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | - Abdul Halim<br>- Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | : 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | - Norjuliana<br>- Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | : 012 - 679 4704 | - Yaser |
| N22 | Tanjong Bungah | : 012 - 465 0021<br>011 - 12441069 | - Tina<br>- Hezreen |
| N23 | Air Putih | : 04 - 829 0614 | - Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | : 012 - 493 3342 | - Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | : 017 - 956 3237 | - Quah |
| N26 | Padang Kota | : 012 - 431 7015 | - Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | : 012 - 401 1522 | - Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | : 012 - 423 3227 | - Benji Ang |
| N29 | Datok Keramat | : 017 - 480 7417<br>04 - 226 2464 | - Varinder<br>- Kalvinder |
| N30 | Sungai Pinang | : 04 - 282 6630 | - Shuen |
| N31 | Batu Lancang | : 04 - 282 6419 | - Karuna |
| N32 | Seri Delima | : 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | : 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | - Anne<br>- Janet |
| N34 | Paya Terubong | : 012 - 484 1963<br>016 - 205 1185 | - Toon Hoon Lee<br>- Frankie Kee |
| N35 | Batu Uban | : 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | - Jalal<br>- Khairul<br>- Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | : 04 - 646 4700 | - Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | : 019 - 498 1096<br>016 - 428 6158 | - Amirulzaman<br>- Danny Ho |
| N38 | Bayan Lepas | : 016 - 599 2918 | - Saifullizan |
| N39 | Pulau Betong | : 012 - 422 4935 | - Zulkiflee |
| N40 | Telok Bahang | : 017 - 413 5695 | - Johan |

# Kenapa ada sesetengah buku diharamkan dalam bahasa Melayu, namun dibenarkan dalam bahasa Inggeris?

Oleh: **ZAIRIL KHIR JOHARI**

Serambi PENANG INSTITUTE making ideas work

**MENURUT** laman web Kementerian Dalam Negeri, terdapat sejumlah 1,532 penerbitan yang diharamkan. Antara contoh penerbitan terbaru yang terpaksa berdepan dengan kemarahan kerajaan pula adalah komik bertajuk Ultraman: Kuasa Ultra.

Tindakan mengharamkan buku atas apa-apa alasan pun langsung tidak munasabah, namun terdapat perkembangan terkini yang lagi sukar difahami. Nampaknya, terdapat sesetengah buku tertentu yang diharamkan hanya dalam bahasa Melayu, manakala tidak ada sebarang halangan dalam versi bahasa Inggeris.

Satu contoh adalah buku penting, *The Origin of Species* karya Charles Darwin, yang sedia dijual di kebanyakan kedai buku di Malaysia. Walau bagaimanapun, terjemahannya dalam bahasa Melayu, iaitu Asal-usul Spesies, disenaraikan sebagai buku terlarang di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Buku terkenal Charles Darwin ini bukan satu-satunya penerbitan yang mengalami nasib yang menyedihkan ini. Satu contoh lain adalah karya Karen Armstrong, Islam: A Short History, yang boleh didapati secara mudah di kedai-kedai buku dan perpustakaan universiti di Malaysia, manakala Sepintas Sejarah Islam, terjemahan dalam Bahasa Melayu, juga disenaraikan sebagai buku terlarang.

Dalam sesi Parlimen yang lepas, saya mengemukakan soalan mengenai *The Origin of Species*, dengan mempersoalkan mengapa terjemahan buku ini dalam bahasa Melayu diharamkan manakala versi Bahasa Inggeris dibenarkan.



ZAIRIL Khir Johari.

Menurut jawapan bertulis Menteri Dalam Negeri, buku tersebut diharamkan kerana ia "memudaratkan ketenteraman awam."

Mengulas lanjut, Menteri juga menyatakan bahawa "buku terjemahan tersebut memberi gambaran mengenai asal-usul penciptaan makhluk yang bertentangan dengan ajaran Islam dan didapati bercanggah dengan Garis Panduan Penapisan Bahan-bahan Berunsur Islam serta pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menjadi amalan umat Islam di negara ini."

Sementara itu, versi bahasa Inggeris pula dibenarkan kerana Kementerian Dalam Negeri "tidak pernah menerima sebarang aduan berhubung wujudnya percanggahan dari aspek agama Islam terhadap buku asal..." mengikut garis panduan yang sama oleh Jakim.

Penjelasan oleh Menteri Dalam Negeri bukan sahaja benar-benar tidak masuk akal, malah merupakan suatu penghinaan terhadap kebijaksanaan rakyat Malaysia. Bagaimanakah mungkin buku yang sama boleh dianggap sebagai memudaratkan ketenteraman awam dan menyalahi ajaran Islam dalam satu bahasa, tetapi boleh diterima dalam bahasa yang lain?

Lebih teruk lagi, Menteri Dalam Negeri juga seolah-olah memberitahu rakyat Malaysia bahawa pengetahuan hanya boleh diperolehi mereka yang celik bahasa Inggeris. Adakah Menteri bermaksud bahawa rakyat Malaysia yang hanya mampu bertutur dan membaca dalam bahasa Melayu dianggap tidak cukup matang untuk berfikir secara sendiri? Oleh kerana kebanyakan mereka yang jatuh ke dalam kategori ini merupakan orang Melayu, maka persoalan timbul sama ada terdapat satu dasar yang sengaja ingin menjahilkan orang Melayu.

Diskriminasi yang dilakukan ini bukan sahaja keji, ia juga tidak berkesan langsung kerana buku dan pengetahuan kini boleh dicapai dengan mudah di Internet.

Justeru, saya menyeru Menteri Dalam Negeri untuk menghapuskan sekatan terhadap penjualan dan pengedaran segala penerbitan, dan dengan segera menghentikan penindasan intelektual kepada rakyat Malaysia.




ZAIRIL Khir Johari (kiri) menerima cenderahati daripada Dr. Francis Loh ketika hadir ke Majlis Makan Malam Forum of Federations di sini.


**BAHAGIAN PERUMAHAN, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG.**
**SENARAI LOT-LOT BUMIPUTERA UNTUK DIJUAL**

| BIL | NAMA PEMAJU | LOKASI | NAMA PROJEK | JENIS PEMAJUAN | HARGA SEUNIT | HARGA SELEPAS POTONGAN 5% | BAKI UNIT KUOTA BUMIPUTERA | PEGAWAI PERHUBUNGAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | **PLB Land Sdn. Bhd.**<br>1320 Jalan Baru<br>Taman Chai Leng<br>13700 Pulau Pinang<br>No. Tel : 04-3900799<br>No. Fax : 04-3900599 | Di Atas Lot PT 181 (Lot 4891) & PN 3202 (Lot 4929), Seksyen 3<br>Jalan Mak Mandin<br>Seberang Perai Utara<br>Pulau Pinang. | PLB Mak Mandin Light Industrial Park | Kilang Berkembar 1.5 Tingkat | RM1,402,966.00 | RM1,332,817.70 | 1 | Azizah Binti Abdul Aziz |
| 2. | **Starseries Development Sdn. Bhd.**<br>No. 20 & 20A, Green Hall<br>10200 Pulau Pinang<br>No. Tel : 04-2639911<br>No. Fax : 04-2639888 | Di Atas Lot 685 & 687, Mukim 11<br>Jalan Nangka<br>Seberang Perai Tengah<br>Pulau Pinang. | Villa Lagenda | Rumah Sesebuah<br><br>Rumah Berkembar | RM1,474,000.00 - RM2,553,000.00<br><br>RM1,152,000.00 - RM1,365,000.00 | RM1,400,300.00 - RM2,425,350.00<br><br>RM1,094,400.00 - RM1,296,750.00 | 8<br><br>8 | Lim Teong Soon |


PARA nelayan pantai menunjukkan tanda bagus ekoran inisiatif Kerajaan Negeri menyampaikan sumbangan pukat kepada golongan berkenaan pada majlis penyerahannya bagi peringkat kawasan Seberang Perai.





PARA kakitangan dan pegawai Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) menunjukkan tanda bagus pada Majlis Perasmian Projek Naik Taraf Kompleks Makanan Padang Brown.





TARIAN tradisional warna-warni pada konvensyen tahunan sebuah syarikat jualan langsung, QNET.








▲ PARA peserta menunjukkan barang-barang boleh dikitar semula pada Majlis Pelancaran *MPMA-DOW Plastics Recyclables Collection Competition 2014.*

◀ TIMBALAN Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy (dua dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama pasangan pengumpul mangkuk tingkat yang mana koleksinya dipamerkan di Muzium Negeri Pulau Pinang.



SEBAHAGIAN kakitangan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) diberi penjelasan mengenai risalah anti rasuah pada Majlis Perasmian Melafaz dan Menandatangani Ikrar Integriti Korporat perbadanan berkenaan.



KANAK-kanak yang terlibat dalam Upacara Menanam Pokok Bersama Komuniti di AEON Bukit Mertajam.



PARA atlet bergambar dengan maskot CAT pada Majlis Penyerahan Bendera Kepada Kontinjen Negeri Pulau Pinang yang bakal berentap pada Kejohanan SUKMA.

# MPSP dekati rakyat dan Briged Wanita menyambut penglibatan



PESERTA *Briged* Wanita.

**MAJLIS** Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah mengorak langkah ketahap yang baru dan lebih tinggi dalam Soal Selidik Bajet Tahunan. MPSP telah membuat usaha bersepadu dalam memperluaskan jangkauan untuk mendekati seramai mungkin penduduk Seberang Perai. Sebelum ini kajian soal selidik cuma secara atas talian di laman web rasmi MPSP tetapi kesannya amat terhad kerana hanya mereka yang mempunyai akses internet yang terlibat dalam kajian ini.



YB Chong Eng, Pn. Maimunah Shariff, Dr.Cecilia Ng & Pn. Aloyah Bakar bersama-sama dengan ahli-ahli *Briged* Wanita

Dalam penyediaan bajet 2015, pengurusan MPSP bermotivasi menggalakkan penyertaan dalam membuat keputusan dan juga peka terhadap gender. Oleh yang demikian bermula peringkat penyediaan soalan soal selidik, pihak MPSP telah menjemput Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) bersama-sama mengubal soalan kajian yang responsif terhadap gender. Keputusan MPSP untuk memastikan perspektif gender dirangkumi dalam soal selidik membukti kerjasama antara PWDC dan MPSP yang bermula di 2012 telah berhasil.



YB Chong Eng bersama-sama dengan Dr. Cecilia Ng, Pn. Maiminah Shariff, YB Dr. Norlela Ariffin.

Perbincangan Jawatankuasa Gender pada 21 Mac 2014 yang lalu, menetapkan kajian soal selidik ini disediakan dalam empat Bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Mandarin, Tamil dan Inggeris. Perbincangan yang dihadiri sebilangan Ahli Majlis MPSP dan ketua jabatan turut membuat kesimpulan bahawa soal selidik ini harus lebih mendekati dengan pengguna dan bersifat inklusif.

"Tahniah kepada penganjur dan semua peserta yang hadir.

"Walaupun keadaan hujan, semangat untuk terus berjalan dan berzumba amat dikagumi, tahniah sekali lagi kepada semua," katanya yang hadir merasmikan acara tersebut baru-baru ini.

# Masyarakat sihat jana produktiviti negeri - Exco



**SEORANG peserta menunjukkan sijil dan pingat yang diterima sambil ditemani rakannya selepas berjaya menamatkan acara kayuhan amal *Island Fun Ride 2014* di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Seramai 1,000 peserta mengambil bahagian dalam acara kayuhan amal mengelilingi pulau, *Island Fun Ride 2014* sejauh 86.9 kilometer (km) bagi memungut derma untuk rumah orang tua, *The Little Sisters of The Poor* di sini baru-baru ini.

Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng yang hadir pada acara tersebut merakamkan ucapan tahniah kepada para peserta kerana sudi menyertai acara peringkat komuniti tersebut.

"Selain bertujuan mempromosi gaya hidup sihat untuk keluarga dan masyarakat, kayuhan, aktiviti luar serta santai ini sebahagiannya dapat membantu menjayakan matlamat Kerajaan Negeri mencapai status sebuah negeri yang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.

"Saya percaya dengan lahirnya masyarakat yang sihat, secara tidak langsung ianya bakal menjana produktiviti baik kepada negeri, kerajaan dan masyarakat di Pulau Pinang," ucapnya di sini.

Program amal yang turut berjaya memperoleh 100 penyertaan peserta antarabangsa seperti Indonesia, Thailand, Taiwan, China, Singapura, Hong Kong, Australia dan Jepun tersebut adalah anjuran Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Kelab G serta Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Island Park.

Dalam pada itu, bagi peserta Yeo Sek Aip, 57, yang pertama kali menyertai kayuhan amal menyatakan bahawa penyertaan beliau adalah sebagai hobi dan untuk bersenam.

"Saya melengkapkan kayuhan ini selama tiga jam 34 minit.

"Selepas ini, saya akan sertai lagi acara seperti ini untuk berkenalan dengan peserta lain yang turut berkongsi hobi sama," jelasnya.

Peserta-peserta yang berjaya menamatkan kayuhan masing-masing menerima pingat serta sijil penyertaan.

Oleh: **YAP LEE YING**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

# Mansor komited jadi petani, tak pernah makan gaji

**JARANG** sekali bagi penulis menemui seorang yang begitu komited menabur jasa dan mengerjakan tanah.

Berpegang kepada prinsip bahawa berbakti kepada tanah pasti ada hasilnya, sejak tamat sekolah, Said Saad, 62, terus berkecimpung di dalam bidang tersebut sehingga kini.

Bukan mudah, pada usia muda, beliau tidak menafikan bahawa pilihan kerjaya tersebut mendapat cemuhan dan perlian daripada rakan-rakan sebaya.

Namun, baginya yang lebih mesra dengan panggilan Mansor, prinsip serta minat menjadi pegangan utama yang membolehkan beliau bertahan sehingga kini.

Ketika berkunjung ke kediamannya, penulis begitu tertarik dengan pokok-pokok jagung Mansor yang tumbuh begitu subur.

Apatah lagi, pokok-pokok tersebut telah berbuah dah sedia dipetik untuk dimasak mahupun dijadikan bubur jagung.

Meleleh air liur dibuatnya!

"Petani, orang tak pandang dulu. Malah, kawan-kawan juga perli.

"Tapi, saya ada prinsip. Saya sabar dan rajin.

"Bila kini dah nampak berjaya, ada pula yang dengki, tapi saya tidak kisah," katanya membuka sesi temubual bersama Buletin Mutiara baru-baru ini.



MANSOR menunjukkan isi jagung manis ditanam beliau.

Selain tanaman jagung, Mansor yang ceria perwatakannya turut mengusahakan sawah seluas tiga ekar berhampiran kediamannya di Kampung Permatang Berangan A, Seberang Perai Utara (SPU).

Ketika diminta mengulas mengenai bidang pertanian dahulu dan sekarang, Mansor menyatakan bahawa perkembangan teknologi banyak meringankan kerja petani-petani kini.

Ini termasuk aspek pemasaran yang mana kini adalah lebih mudah berbanding dahulu yang memerlukan beliau serta petani-petani lain menjual sendiri hasil tanaman di pasar-pasar berhampiran.

"30 tahun lalu, saya terpaksa kandak air untuk menyiram timun, tapi kini boleh guna pam.

"Begitu juga kemudahan-kemudahan jentera bagi membajak tanah sawah," jelasnya yang dikurniakan lima cahaya mata dan cucu, 6.

Sebagai orang lama, beliau menyatakan bahawa tanaman sawi adalah tanaman paling susah diusahakan ekoran sering kali mengalami serangan penyakit yang banyak.

"Berbanding dengan kangkung (paling mudah) dan jagung yang hanya memerlukan 65 hari untuk matang.

"Namun, jenis tanaman yang diusahakan adalah bergantung kepada permintaan pasaran dan keperluan semasa," kata Mansor yang 'seronok' apabila melihat tanaman diusahakan membuahkan hasil.

Sejak bergelar petani, Mansor pernah sekali dipatuk anak ular kapak ketika ingin mencabut kangkung pada waktu subuh.

"Ular tuh sebesar ibu jari. Saya tidak serik. Nak serik apa, ini kerja kita," ujarnya ringkas.

Berhubung perancangan masa depan, Mansor yang kini mula berjinak-jinak dengan bidang penternakan menyatakan bahawa pada usianya kini, beliau masih larat untruk mengusahakan tanah yang luas sekiranya diberikan peluang.

Malah, adalah menjadi harapan Mansor supaya usaha serta titik peluhnya dapat diturunkan kepada anak keempatnya yang kini mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Perladangan di sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) negara.

"Dia (anak) dah habis belajar. Tunggu dia balik dan harap dia dapat usaha serta pelbagaikan lagi apa yang ada kini," katanya yang tidak pernah makan gaji.



SAID Saad atau lebih dikenali sebagai Mansor.



MEMETIK jagung yang ditanamnya.



TANAMAN jagung yang diusahakan bersebelahan kediamannya.

# Erti hidup adalah memberi – Abdul Shukor

**ERTI** hidup adalah memberi.

Sambil-sambil berperanan sebagai Timbalan Pengerusi dalam Lembaga Pengarah Restoran Pelita Nasi Kandar, beliau bersetuju untuk membina sebuah institusi pendidikan agama secara percuma di Jelutong atas nasihat kawan-kawan.

Maka, beliau pun melakukan apa yang wajar menyusun program sumbangan kejiranan, walaupun dihambat pelbagai tanggungjawab sebagai tenaga pengajar agama.

Aktiviti *amal Islami* ini menggamit perhatian akhbar Buletin Mutiara (BM), apabila Program Jejak Asnaf diadakan peringkat Qaryah Masjid Timah dekat Seberang Jaya baru-baru ini.

Sebanyak 40 keluarga terpilih untuk menerima 20 jenis barang keperluan asasi, termasuk sekampit beras dan sebungkus gula pasir.

Beliau awalnya menolak untuk ditemuramah atas sebab program ini *amal Islami*.

Tetapi, akhirnya bersetuju untuk diwawancara wartawan BM, **ZAINULFAQAR YAACOB** atas harapan ia boleh diikuti di qaryah-qaryah lain di negeri ini.

Beliau yang dimaksudkan adalah Ustaz Abdul Shukor Hassan, 50.

Sebelum berkhidmat sebagai tenaga pengajar agama di Politeknik Balik Pulau, Abdul Shukor pernah berkhidmat di Politeknik Seberang Perai.

20 tahun juga dalam perkhidmatan.

Abdul Shukor mempunyai seorang isteri dan enam orang anak dalam lingkungan usia 21 tahun hingga lima tahun.

"Di politeknik dulu pun ada buat program kebajikan, kebetulan dia dilantik menjadi ALK (Ahli Lembaga Koperasi Politeknik).

"Kita anjur program beri sumbangan tiap-tiap bulan kepada pelajar-pelajar yang layak, menggunakan duit tabung koperasi sekolah.

"Apabila kita keluar kepada masyarakat, kita anjur program serupa (Jejak Asnaf) dalam masyarakat pula," ujarnya selepas pelancaran program Jejak Asnaf Fakir & Miskin Peringkat Qaryah Masjid Timah, yang dirasmikan sendiri oleh Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) baru-baru ini.

**CABARAN**

Menurut Abdul Shukor, program Jejak Asnaf itu asalnya dilaksanakan di peringkat Surau Taman Pauh Jaya di sini, sebelum diangkat menjadi program rasmi peringkat Qaryah Masjid Timah bermula pada April lepas.

Difahamkan, lebih setahun juga Program Jejak Asnaf itu dilaksanakan di peringkat surau berkenaan.

"Kita berjaya buat di sana (Surau Taman Pauh Jaya) tiap-tiap bulan selama setahun, kita berpindah ke sini (Masjid Timah) apabila keadaan di sana tidak mengizinkan.

"Kita yang semangat buat program ini orang nampak kita susah, padahal kita tak susahpun.

"Apabila diminta program ini dibatalkan di Surau Taman Pauh Jaya, semangat buat kerja kebajikan itu kita angkat program ini jadi program Qaryah Masjid Timah pula," ujar Abdul Shukor.

Abdul Shukor merupakan Timbalan Pengerusi Surau Taman Pauh Jaya merangkap Ahli Jawatankuasa Qaryah Masjid Timah.

"Pengalaman di (Taman) Pauh Jaya ini sampai ada keluarga penerima tak ada makanan untuk buka puasa pada bulan Ramadan.

"Kita boleh tahu benda ini kerana mereka telefon dan kita tahu mereka memang benar-benar susah.

"Dalam bulan Ramadan ini, kita cadang nak laksana dua kali program Jejak Asnaf ini, iaitu pada awal Ramadan dan pertengahan bulan ibadah itu," jelas beliau.

**SEMANGAT**

Abdul Shukor tersenyum apabila ditanya, "apakah yang menjadi sumbu semangat Ustaz melaksanakan program seumpama ini walau digalang pelbagai ujian?"

Abdul Shukor memberitahu, "mungkin dah memang muka saya ini muka orang kebajikan *kot*. Di sekolah (Politeknik Seberang Perai dulu pun, saya dilantik buat kerja kebajikan, di sini (Qaryah Masjid Timah) pun saya jaga kerja kebajikan."

Katanya lagi, kerja kebajikan atau lebih tepat disebut aktivis kebajikan pun sebenarnya adalah kerja-kerja dakwah untuk memupuk masyarakat supaya kembali hidup dalam cara hidup Islam.

"Semangat buat kerja kebajikan boleh ada ini sebab nak bagi sumbangan wang ringgit, kita tak ada banyak.

"Jadi, kita pilih beri sumbangan buah fikiran, masa dan tenaga untuk kerja-kerja kebajikan macam program Jejak Asnaf ini," nyata beliau.

Menerusi Program Jejak Asnaf ini, beliau berkata, kita boleh memelihara akidah umat Islam terutama yang hidup dalam keadaan miskin, dan kemiskinan ini boleh mendekatkan mereka kepada kekufuran hidup.

"Tak boleh sekadar bagi kuliah agama sahaja, kerana makan minum yang asas juga diperlukan oleh golongan penerima.

"Bagaimanapun, sebelum majlis sumbangan dilakukan, kita bagi juga kuliah Dhuha dan motivasi hidup kepada keluarga penerima," kata Abdul Shukor.

**Dakwah *Non-Muslim***

Sebenarnya, Khalifah Umar al-Khattab sendiri pernah mengeluarkan fatwa bahawa zakat boleh diberikan kepada mereka yang masih belum Islam.

Berdasarkan pada maksud nas al-Quran pada ayat 60 dari Surah At-Taubah, Umar berpendapat bahawa *non-muslim* pun layak dibantu akan sebab kemiskinan mereka dan bukan atas sebab keagamaan masing-masing.

Firman Allah itu bermaksud, "Sesungguhnya zakat-zakat itu, hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para mu'allaf yang dibujuk hatinya, untuk (memerdekakan) budak, orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan untuk mereka yang sedang dalam perjalanan, sebagai suatu ketetapan yang diwajibkan Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana."

Imam Abu Yusof dalam kitab *al-Kharaj* menyebut bahawa Umar memperuntukan dari sumber Baitul Mal untuk warga Yahudi berasaskan firman Allah di atas, dan ijtihad itu dipegang dalam mazhab Hanafi.

"Setakat ini tiada lagi mu'allaf yang mohon untuk dipertimbangkan. Kalau selepas ini ada, kita akan pertimbangkan untuk *mu'allafatul qulb* (mereka yang belum memeluk Islam, tetapi berjinak-jinak dengan Islam)," ujar beliau.

**HARAPAN**

"Kita harap Majlis Agama (MAINPP) dan Zakat Pulau Pinang boleh bersama-sama hulur sumbangan, bersama menjayakan program Jejak Asnaf di Qaryah ini.

"Kalau dapat sumbangan dalam RM500 atau RM1,000 umpamanya tiap-tiap bulan, program Jejak Asnaf ini boleh dikembangkan lagi 40 penerima sekarang kepada 60 atau 70 penerima.

"Harapan saya, program ini sifat diteruskan. Selagi mana ada kelompok Asnaf Miskin, ada golongan kaya terpilih untuk menyumbang.

"Erti hidup adalah memberi," kata Abdul Shukor.




USTAZ Abdul Shukor Hassan.

# Kompaun RM250 sehari pelekat tanpa permit

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN** – Sebuah syarikat telekomunikasi terkemuka bakal dikenakan kompaun RM250 sehari bagi setiap laluan atau jalan di mana pelekat publisiti milik pihak berkaitan dikesan ditampal tanpa permit di sini.

Pengumuman tersebut adalah ekoran maklum balas orang ramai berhubung pelekat yang ditampal di lokasi-lokasi awam seperti tiang lampu, tong sampah, stesen bas, pondok telefon dan kotak-kotak janakuasa elektrik milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Telekom Malaysia (TM).

Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Ong Ah Teong berkata, pihak Pelesenan MPPP akan mengeluarkan kompaun RM250 sehari bagi setiap jalan meliputi Jalan Dr. Lim Chong Eu, sepanjang jajaran Jalan *Queensbay Mall*, Jalan Penang dan Jalan Sultan Ahmad Shah di sini.

"Kompaun akan terus diberikan sehingga syarikat tersebut menanggalkan semua pelekat dan segera menghentikan kerja tidak bertanggungjawab ini," tegasnya ketika menyertai beberapa kakitangan MPPP dalam operasi menanggalkan pelekat dipercayai haram tersebut di sekitar Komtar di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis MPPP, Lim Boon Beng, Tan Chiew Choon dan Tan Hooi Peng.

Ah Teong dalam nada yang sama turut akan membawa perkara tersebut ke Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam MPPP untuk dipertimbangkan tindakan yang lebih tegas kepada syarikat telekomunikasi terbabit ekoran ia merupakan kesalahan kedua dilakukan dalam tempoh dua tahun pihak berkenaan.

"Saya akan membawa perkara ini ke pengetahuan komuniti. Ini adalah satu kesalahan serius kali kedua yang dilakukan oleh mereka (syarikat).

"Kita (MPPP) tidak teragak-agak untuk menghentikan segala bentuk iklan syarikat terbabit di seluruh Pulau Pinang selama tempoh enam bulan," tegas beliau.



**PARA kakitangan MPPP bertungkus-lumus menanggalkan pelekat dipercayai tanpa permit yang ditampal di sini baru-baru ini.**

## Evolusi J/K Tetap Kesihatan MPPP harap dapat bina bandar impian

**GEORGE TOWN** – Perubahan dan evolusi diterapkan dalam Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam mulai 2010 hingga kini diharap dapat membina bandar impian taraf dewan bandaraya dan sekaligus merealisasikan misi untuk muncul sebagai bandaraya bertaraf antarabangsa, ujar Pengerusinya yang juga Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Ong Ah Teong di sini baru-baru ini.



**KEADAAN pada Penangguhan Mesyuarat Biasa MPPP di sini baru-baru ini.**

Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam MPPP bertanggungjawab dalam aktiviti merancang, mengurus dan membuat keputusan berkaitan aktiviti perniagaan, trend, perindustrian dan penjaja kecil. Pada masa sama, aspek pengurusan bandar melalui kaedah pengurusan sisa pepejal turut diberikan fokus.

Menurut Ah Teong, *'inward significance'* yang dibawa jawatankuasa berkenaan telah mengubah landskap budaya kerja Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, Kesihatan Awam dan Pelesenan MPPP.

"Keberkesanannya dapat dilihat dari segi kecekapan mengurus, memproses dan meluluskan permohonan lesen.

"Sebelum ini, kelulusan sesuatu permohonan memerlukan tempoh masa yang panjang tetapi tidak lagi kini.

"Lesen perniagaan siap diproses dalam tempoh 24 jam bagi lesen tidak berisiko dan bagi lesen berisiko, tempoh masa telah dijimatkan dari 60 hari kepada 40 hari," ujarnya pada ucapan Penangguhan Mesyuarat Biasa Majlis di Dewan Bandaran, Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

Tambah Ah Teong, pelaksanaan program menaiktaraf Kompleks Pasar dan Makanan juga telah banyak membantu dalam proses penempatan semula penjaja tanpa lesen.

"Sehingga kini, sejumlah 310 penjaja tanpa lesen ditemuduga dan ditempatkan dalam Kompleks Pasar dan Makanan di seluruh kawasan seliaan MPPP.

"Malah, pelaksanaan program Tanpa Beg Plastik dan pengharaman penjualan menggunakan *stereofoam* di bahagian pulau negeri juga telah berjaya mewujudkan suatu budaya baru dalam kalangan penduduk di sini," ujar beliau.

## Pertimbang haram arak murah di Seberang Perai

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**



**M. Satees (kiri) dan P. David Marshel baru-baru ini menunjukkan beberapa jenis arak yang didakwa punca ketagihan melampau serta mengakibatkan pelbagai penyakit kronik membabitkan keluarga miskin di sini.**

**PERAI** – Dua Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), M. Satees dan P. David Marshel mencadangkan pihak berwajib mempertimbang syor pengharaman arak murah yang nyata mengakibatkan ketagihan serta dianggap antara punca pelbagai penyakit barah membabitkan keluarga miskin di negeri ini.

Mereka mencadangkan sedemikian berdasarkan maklumat mesyuarat MPSP yang mendedahkan, dari 369 premis menjual arak *(liquor)* yang diberikan lesen, sebanyak 250 premis adalah di pasaraya dan kedai runcit.

Justeru, menurut mereka, langkah pengharaman arak murah tersebut sekaligus dapat merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri yang mengutamakan gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat di negeri ini.

"Semua pihak di Pulau Pinang diseru supaya berganding bahu dalam mengorak langkah ke arah pengharaman arak murah (atau) samsu dari pasaran dalam masa akan datang," ujar mereka dalam satu kenyataan bersama di sini baru-baru ini.

Sebagai langkah permulaan, kata mereka, penubuhan satu jawatankuasa bertindak oleh MPSP bersama-sama Kastam dan Polis perlu segera dikaji demi mencegah pelbagai gejala sosial dalam kalangan rakyat tanpa mengira kaum dan agama.

Tambah mereka, "samsu" sepatutnya tidak boleh lagi dijual selepas jam 9 malam, tetapi, peraturan sedia ada itu seakan langsung tidak dikuatkuasakan.

"Ada juga kedai menjual arak yang beroperasi 24 jam. Ini menunjukkan kurangnya penguatkuasaan," tegas mereka.

Difahamkan, arak murah mempunyai kandungan alkohol yang tinggi itu, dipercayai adalah punca penyakit kanser pada otak, lidah, mulut, *esofagus*, *larink* dan pundi kencing.

Selain itu, ketagihan minuman tidak sihat itu mampu merosakkan organ hati, seperti *sirosis, steatosis* dan *hepatitis; ulser, gastritis,* serta kecederaan otak dan masalah saraf.

# ARM aplikasi kaji selidik MPSP untuk bajet 2015




**PROF. Dr. P. Ramasamy (kanan) dan P. David Marshel pada perasmian majlis pelancaran aplikasi Projek ARM di sini baru-baru ini.**

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA –** Semua 800,000 warga Seberang Perai boleh menyumbang pendapat ke arah penyediaan Bajet Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) 2015 dalam tempoh sebulan dari sekarang, dengan hanya memuat turun aplikasi Projek ARM atau 'Apa Rakyat Mahu' menerusi telefon pintar masing-masing.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy dalam ucapan perasmiannya memberitahu bahawa projek perintis soal selidik itu adalah untuk mempergiat proses demokrasi tempatan, selain, mengalakkan penyertaan warga Seberang Perai dalam membuat keputusan belanjawan bersama-sama MPSP.

"Lebih kurang RM200 juta dibelanjakan pihak berkuasa tempatan (PBT), ini bermakna secara puratanya MPSP membelanjakan RM250 untuk setiap orang.

"Maka, Projek ARM ini memberi kuasa kepada 800,000 warga Seberang Jaya untuk memberikan pendapat bagaimana RM250 yang diperuntukan untuk tiap-tiap orang ini perlu dibelanjakan," ujarnya di Kompleks Ibu Pejabat MPSP Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti, Norlela Ariffin serta Ahli-ahli Majlis MPSP lain turut hadir pada majlis pelancaran aplikasi jenis *android* tersebut, yang turut boleh diakses melalui *website* serta laman sosial *Facebook*.

Sebelum itu, Pengarah Projek ARM, P. David Mashel memberitahu, aplikasi pintar tersebut menelan kos RM5,000, yang diambil daripada peruntukan peribadinya sebagai Ahli Majlis MPSP.

Menurut beliau, projek perintis itu dibangunkan secara bersama dengan bantuan Pengasas '*MPSP Watch*', Bernard Cheen.

"Demokrasi, bermakna pandangan dan suara rakyat mesti diambil kira oleh kerajaan, sebelum keputusan dibuat," ujar beliau.

David Marshel memberitahu, sasaran minimum untuk Projek ARM sulung berkenaan adalah 5,000 responden dan keputusan soal selidik pintar akan diumumkan selepas 15 Jun ini.

## MPPP alu umum ambil bahagian kaji selidik sedia Bajet 2015



**AR. Patahiyah Ismail (dua dari kanan) ditemani Ir. Ang Aing Thye (dua dari kiri) dan Joseph Ng Soon Siang (kanan sekali) meneliti contoh borang kaji selidik umum berhubung rangka penyediaan Bajet 2015 dalam sidang media di sini baru-baru ini.**

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Orang ramai dialu-alukan untuk mengambil bahagian dalam kaji selidik Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) yang sedang dalam rangka penyediaan Bajet 2015 kini.

Sebarang cadangan dan pandangan boleh dibuat secara talian dengan mengisi borang kaji selidik yang diperoleh di laman sesawang *www.mppp.gov.my* mulai 15 Mei hingga 14 Jun ini.

Yang di-Pertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail dalam sidang media di sini baru-baru ini berkata, penglibatan orang ramai dalam memberikan maklumbalas bakal membolehkan Majlis menyediakan bajet lebih menyeluruh dan bermanfaat buat seluruh penduduk pulau di Pulau Pinang.

"Majlis berharap orang ramai dapat memberikan input cadangan dan pandangan masing-masing ke arah penyediaan bajet yang lebih baik dan efektif.

"Ini adalah salah satu saluran untuk penduduk pulau Pulau Pinang menyatakan apa yang mereka inginkan.

"Penyertaan ini akan membuka ruang dan minda orang awam bahawa penyediaan perkhidmatan yang berkesan adalah menjadi tanggungjawab bersama," katanya pada satu sidang media di Komtar di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran, Ir. Ang Aing Thye dan Ahli Majlis merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pengurusan Kewangan MPPP, Joseph Ng Soon Siang.

Patahiyah dalam pada itu berharap dapat menerima maklumbalas lebih menggalakkan berbanding penyertaan tahun lalu (2013) iaitu hanya 35 responden yang rata-rata memohon supaya tumpuan diberikan kepada pembangunan taman dan kemudahan infrastruktur.

Sebarang pertanyaan sila hubungi, Ketua Unit Hasil MPPP di talian 04 – 259 2120 atau email ***suhaida@mppp.gov.my,*** Akauntan (Belanjawan dan Akaun) ***04 – 259 2121,*** **tbluan@mppp.gov.my** atau Penolong Akauntan (Belanjawan dan Akaun) ***04 – 259 2140, su2@mppp.gov.my.***

## Anjur kejohanan *paintball* tarik pelancong



**AKSI beberapa peserta dalam Kejohanan Paintball Dato' Yang di-Pertua MPPP di sini baru-baru ini.**

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKFILI**

**GEORGE TOWN –** Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Datuk Ar. Patahiyah Ismail menyifatkan bahawa kejohanan *paintball* anjuran pihaknya di sini baru-baru ini adalah berjaya apabila memperoleh 44 penyertaan termasuk sebuah pasukan dari Indonesia.

Perkara tersebut diumumkan beliau pada ucapan Perasmian Kejohanan Paintball Dato' Yang di-Pertua MPPP di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, penganjuran berkenaan adalah sejajar dengan usaha untuk menarik minat pelancong dari dalam dan luar negara bagi menyahut hasrat Kerajaan Negeri ke arah menjadikan negeri ini Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.

"Pada awal tahun lalu, Majlis (MPPP) telah menganjurkan kejohanan sama buat kali pertama dan hanya memperoleh 14 penyertaan sahaja.

"Lanjutan itu, Majlis (MPPP) juga mengambil inisiatif menganjurkan Kejohanan Paintball Piala Terbuka MPPP dengan 20 penyertaan sahaja.

"Dengan sambutan amat menggalakkan tahun ini, adalah menjadi harapan MPPP untuk menjadikan negeri ini sebagai salah satu destinasi utama sukan *paintball* dan platform untuk para peserta menunjukkan kepakaran dalam sukan ini," ujarnya.

Kejohanan Paintball Dato' Yang di-Pertua MPPP terbahagi kepada dua kategori iaitu Mekanikal dan Elektronik.

Johan akan membawa pulang hadiah berupa wang tunai, trofi serta medal, hamper dan sijil penyertaan.

# Qaryah anjur Jejak Asnaf bantu 40 terpilih

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA –** Seramai 40 penduduk setempat menerima sumbangan berupa 20 jenis barang keperluan, termasuk sekampit beras dan sekilogram gula dalam program Jejak Asnaf Fakir dan Miskin anjuran sendiri Qaryah Masjid Timah di sini baru-baru ini.

Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Datuk Mohd. Salleh Man dalam ucapan perasmiannya merakamkan penghargaan kepada jawatankuasa penganjur Jejak Asnaf yang dipengerusi Ustaz Abdul Shukor Hassan atas inisiatif tersebut.

"Saya ucap tahniah apabila Jejak Asnaf yang kita cadangkan untuk dilaksanakan Zakat Pulau Pinang (ZPP) turut dianjurkan di sini.

"Apa yang dilakukan oleh jawatankuasa program Jejak Asnaf ini adalah suatu terjemahan pada sunnah, sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W. (yang bermaksud): Barangsiapa tidak mengambil peduli urusan (kejiranan) sesama Islam ini, maka tidaklah tergolong dalam kalangan mereka (masyarakat Islam)," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir pada majlis berkenaan di sini baru-baru ini.

Ustaz Abdul Shukor dan Ustaz Samsuddin Ismail (Timbalan Pengerusi Masjid Timah) turut berucap pada majlis 'amal Islami' itu.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Masjid Dan Pengurusan Qaryah MAINPP merangkap Pegawai Penerangan Kerajaan Negeri, Rosidi Hussain.

Mohd. Salleh memberitahu, golongan di bawah asnaf Fakir, Miskin, 'Fi Sabilillah' dan sebagainya wajar mengisi borang berwajib terlebih dahulu, sekiranya mahu permohonan masing-masing dipertimbang ZPP.



**MOHD. Salleh Man (tiga dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada waris asnaf, sambil disertai Ustaz Samsuddin Ismail (empat dari kanan) pada program Jejak Asnaf Fakir dan Miskin di sini baru-baru ini.**

"Wajib isi borang untuk dipertimbang, kerana itu prosedur ZPP," jelas Mohd. Salleh sambil menolak dakwaan pihak tertentu kononnya MAINPP acapkali mengabaikan golongan asnaf yang layak daripada menerima zakat.

Difahamkan, program Jejak Asnaf itu mula dianjurkan di peringkat Surau Taman Pauh Jaya tiap-tiap bulan sejak setahun lepas, sebelum diperluas menjadi program bulanan di Qaryah Masjid Timah pula.

## Cuai proses keluar wang, gesa bertindak terhadap rayuan

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN –** Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik menggesa Bank Negara Malaysia (BNM) dan sebuah bank terkemuka negara supaya bertanggungjawab terhadap rayuan pengadu, Chan Phaik Boi berhubung 'kehilangan' wang simpanan mendiang ibunya berjumlah RM53,100.80 yang dipercayai dikeluarkan secara tidak sah.



**NG Wei Aik (kiri) menunjukkan salah satu dokumen rayuan Chan Phaik Boi berhubung 'kehilangan' wang simpanan mendiang ibunya yang dipercayai dikeluarkan secara tidak sah pada sidang media di sini baru-baru ini.**

Menurut Wei Aik, beliau ingin membela Phaik Boi kerana berdasarkan kronologi kes sejak tahun 1997, ia dipercayai menunjukkan terdapat beberapa unsur penipuan serta kecuaian pihak bank dalam mengendalikan kes pengeluaran sejumlah wang tersebut.

"Phaik Boi pernah memberitahu pihak bank sekiranya mendiang ibunya, Tan Siew Kee datang bersama pihak lain untuk mengeluarkan wang daripada akaunnya, mereka (pihak bank) diminta menghubungi beliau terlebih dahulu, malangnya pihak terbabit dipercayai gagal berbuat demikian.

"Permintaan itu disuarakan ekoran mendiang dipercayai tidak dapat berfikiran secara waras akibat penyakit kanser payudara dan *'metastasis'*," ujarnya pada sidang media di Pusat Khidmat Parlimen Tanjung di sini baru-baru ini.

Tambah Wei Aik, pengadu yang menetap di Alor Setar, Kedah sudah empat kali ke mahkamah serta membelanjakan hampir RM50,000 dalam mengendali serta menuntut keadilan sewajarnya ke atas kes terbabit.

Wei Aik dalam sepucuk surat kepada BNM bertarikh 19 November 2013 turut mengemukakan rayuan kepada pihak bank berdasarkan 16 salinan bukti dikemukan bagi menyatakan pengeluaran yang pernah berlaku pada 30 April 1998 kepada akaun salah seorang individu adalah tidak sah dan pihak bank perlu bertanggungjawab.

"Penolong Pendaftar Penjenayah Malaysia, R. Sivasangar dalam laporannya bertarikh 4 Februari 2013 telah membuat pemeriksaan dan perbandingan cap-cap jari.

"Kesimpulannya, cap-cap jari pada dokumen pengeluaran wang simpanan tetap pembukaan akaun semula bersama individu berkaitan sama sekali tidak serupa dengan cap jari asal Tan Siew Kee (mendiang)," tegas beliau.

Justeru, Wei Aik berharap pihak bank bertanggungjawab dapat mendengar dan memberi keadilan sewajarnya kepada Phaik Boi yang telah berusaha mendapat pembelaan sewajarnya sejak 17 tahun lalu.

## Padam lampu 4 pagi tidak benar – Pengerusi JKKK

**SERI DELIMA –** Integriti kewartawanan sebuah akhbar perdana dipersoal gara-gara menyebarkan kenyataan tidak sahih daripada seorang penduduk yang mendakwa lampu jalan sekitar Taman Island Glades di sini kononnya dipadam seawal jam 4 pagi, hingga mendedahkan penduduk setempat pada risiko jenayah.



**OOI Poey Lam.**

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Island Glades, Ooi Poey Lam menegaskan, akhbar (arus perdana) itu sepatutnya mendapatkan maklum balas sebenar berhubung perkara tersebut daripada pihak berwajib sebelum menyiarkan berita palsu itu.

"Jika saya sebagai wartawan, saya akan mendapatkan respons susulan dan menyiasat isu tersebut, sebelum disiarkan.

"Tetapi, akhbar itu telah menulis berita ini, yang kesemuanya nyata adalah palsu," ujarnya sambil mempersoal ketidakhadiran wartawan akhbar berkenaan pada sidang medianya di sini baru-baru ini.

Malah, Poey Lam di depan wartawan yang hadir turut menghubungi syarikat akhbar terbabit, tetapi, meja pengarang negeri sekadar memberi respons, "kami sedang sibuk".

Jelasnya, lampu jalan di kawasan berkenaan dipadamkan pihak berwajib selewat jam 7 pagi, iaitu semasa hari kian mencerah.

Manakala, lampu limpah dekat gelanggang bola keranjang di sini pula dinyalakan secara automatik tiap-tiap hari pada detik 6.45 pagi hingga 7.30 pagi menggunakan alat tetapan masa, demi keperluan riadah penduduk setempat.

"Jika alat tetapan masa ini tidak berfungsi, lampu limpah di gelanggang bola keranjang akan menyala sepanjang hari, bukan terpadam hingga menggelitakan kawasan di sini," nyata beliau.

Terdahulu, akhbar perdana berbahasa Inggeris bertarikh 15 Mei lalu menyiarkan berita luahan rasa tidak puas hati daripada seorang wanita berusia 65 tahun pada sesi turun padang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer berhubung itu tersebut.

Menurut laporan itu, wanita berkenaan mengadu bahawa penduduk setempat berjoging seakan dalam gelita disebabkan kekurangan cahaya lampu jalan pada awal pagi tiap-tiap hari, sekaligus mendedahkan mereka pada risiko jenayah.

Beliau turut dilaporkan mengaku pihaknya telahpun membuat aduan sebanyak dua kali, tetapi, pihak berwajib berdalih bahawa langkah memadamkan lampu jalan seawal jam 4 pagi itu adalah demi menjimatkan tenaga elektrik.

# Bob F.C juara Piala Penyelaras KADUN Bertam



PASUKAN Bob F.C. bersama trofi dan pingat kemenangan.



PASUKAN Bob F.C. dan TUDM F.C. bergambar kenangan bersama-sama Mohd. Rashid Hasnon (berdiri, tengah) dan Asrol Sani Abd. Razak (berdiri, lapan dari kanan) sebelum perlawanan akhir Kejohanan Bola Sepak 9 Sebelah Kalah Mati Piala Penyelaras KADUN Bertam di sini baru-baru ini.

**BERTAM** – Pasukan Bob F.C. muncul juara Kejohanan Bola Sepak Sembilan Sebelah Kalah Mati Piala Penyelaras KADUN Bertam selepas berjaya menewaskan pasukan Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM) F.C. 1-0 dalam perlawanan akhir di sini baru-baru ini.

Kemenangan tersebut membolehkan Bob F.C. membawa pulang sebuah piala, pingat dan wang tunai bernilai RM1,200. Manakala bagi TUDM F.C., piala, pingat dan RM900.

Kejohanan anjuran Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Bertam itu diadakan di Kompleks Sukan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) Bertam di sini.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon dan isteri turut hadir menyaksikan perlawanan dan menyempurnakan majlis penyampaian hadiah kepada pemenang.

PPKnya, Asrol Sani Abd. Razak ketika ditemui berkata, kejohanan tersebut bertujuan untuk menyemarakkan demam Kejohanan Piala Dunia 2014 Brazil.

"Penganjuran ini juga dilihat sebagai salah satu platform untuk memupuk semangat setiakawan dalam kalangan belia pelbagai bangsa di sini.

"Malah, kami di Bertam, menyahut seruan Kerajaan Negeri untuk bersukan dan mengamalkan gaya hidup sihat demi kecergasan dan kecerdasan tubuh," katanya yang turut berhasrat untuk menjadikan kejohanan tersebut sebagai acara tahunan di Bertam.

Sebanyak 32 pasukan berentap dalam kejohanan berkenaan.



SEBAHAGIAN peserta bersemangat memulakan aktiviti berjalan kaki merentasi bendang pada Program Jom Sihat Kampungku "Merentas Bendang" di sini baru-baru ini.

# Jalan kaki senaman asas gaya hidup sihat - PPK

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**PULAU BETONG** – Kira-kira 200 penduduk Kampung Genting dan kawasan sekitar menyertai Program Jom Sihat Kampungku "Merentas Bendang" anjuran Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kampung Genting di sini baru-baru ini.

Program yang dianjurkan bersama Pejabat Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pulau Betong itu turut mendapat kerjasama Ahli-ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Briged Wanita (Pulau Betong).

PPK Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail berkata, aktiviti utama program iaitu berjalan kaki merentas kawasan bendang itu diadakan bertujuan memberi mesej kepada penduduk kampung mengenai kepentingan menjaga kesihatan, kecergasan diri menerusi gaya hidup aktif.

"Tidak dapat dinafikan, perubahan gaya hidup moden dan perkembangan teknologi menjadi antara punca penyakit berkaitan jantung dan penyakit kronik lain seperti hipertensi dan diabetes.

"Jadi, berjalan kaki ini merupakan senaman asas yang paling mudah dan murah dalam menjalani gaya hidup sihat," katanya sejurus selepas acara pelepasan peserta Program Jom Sihat Kampungku "Merentas Bendang" di sini baru-baru ini.

Tambahnya, aktiviti sebegitu berupaya merapatkan silaturahim tanpa mengenal faktor usia dan bangsa.

"Alhamdulillah, sambutan amat menggalakkan dan cukup meriah, saya berhasrat menjadikan program sebegini sebagai program bulanan di Pulau Betong ini, inshaAllah," kata Mohd. Tuah.

# Dedah seni kaligrafi kepada generasi muda



TAN Eng Huat (dua dari kanan) sedang menunjukkan cara-cara penulisan seni kaligrafi Cina sambil diperhatikan pelajar-pelajar beliau di sini.

**TANJUNG BUNGA** – Generasi muda perlu didedahkan dengan seni kaligrafi supaya seni tulisan tangan itu tidak lenyap begitu sahaja rentetan perkembangan teknologi moden pada masa kini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga, Teh Yee Cheu berkata, adalah sesuatu yang menyedihkan sekiranya seni tradisi tersebut tidak mendapat tempat dalam kalangan golongan muda.

"Seni kaligrafi Cina merupakan salah satu kesenian yang agung sejak tamadun Cina dan dianggap mempunyai keunikan serta nilai tersendiri.

"Oleh itu, saya mengambil kesempatan mewujudkan kelas kaligrafi di Dewan Pasar Awam Tanjung Bunga dalam usaha memberi pendedahan terhadap seni kaligrafi ini kepada khalayak ramai," katanya di sini baru-baru ini.

Beliau dalam pada itu turut mengajak orang ramai untuk hadir dan melihat sendiri karya-karya kaligrafi yang dihasilkan sepanjang kelas berlangsung.

Kelas yang dikelola seniman kaligrafi Cina, Tan Eng Huat itu diadakan setiap hari Jumaat bermula jam 8 malam. Yuran dikenakan sebanyak RM30 sebulan.

Orang ramai yang ingin menyertai kelas kaligrafi Cina boleh menghubungi talian 017 - 501 0091 untuk pertanyaan lanjut.

# Pulau Pinang Cakna Kebajikan Rakyat
# Program-program EMAS Untuk Semua




**Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat & Selamat**